

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JOHOR)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

SAUNAH BINTI ZAINON

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI RAHAYU BINTI SARMAN

**PENYELARAS :**

SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM

**PENULIS :**

1. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
2. SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM
3. SITI RAHAYU BINTI SARMAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahun 2022 menyaksikan kepemimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ diterajui oleh tiga individu berbeza. Bermula Mei 2020, UiTMCJ diterajui oleh Prof. Dr. Ismail Ahmad yang kemudiannya bersara wajib pada April 2022. Timbalan Rektor Akademik UiTMCJ, Prof. Madya Dr. Akmal Aini Othman telah diamanahkan untuk memangku jawatan Rektor sehingga lantikan Rektor UiTMCJ yang baru dibuat pada Oktober 2022. Walaupun diterajui oleh tiga pucuk pimpinan yang berbeza, ianya tidak sama sekali merencatkan segala perancangan dan agenda yang telah dirancang oleh UiTMCJ. Seluruh warga UiTMCJ amat berbangga dengan pelantikan Rektor wanita pertama UiTMCJ iaitu Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Saunah Zainon. Rektor UiTMCJ dibantu oleh Penolong Rektor yang menerajui kampus Pasir Gudang serta Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang terdiri daripada Timbalan Rektor Akademik, Timbalan Rektor HEP, Timbalan Rektor BPJIA, Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Bendahari Kanan, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Timbalan Pustakawan Kanan. Selaras dengan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti yang merupakan kekuatan UiTMCJ sepanjang tahun 2022, Rektor dan ahli JKEN telah bersetuju memilih bidang tumpuan **Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan** sebagai bidang tumpuan pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) bagi tahun 2022 dan diminitkan di dalam Mesyuarat JKEN Mac 2023.

**Perancangan (Plan)** oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ merupakan rujukan utama bagi melestarikan objektif, inisiatif serta agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti. Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa membantu secara holistik dan sistematik dengan melibatkan semua bahagian, unit dan fakulti di UiTMCJ bagi membantu BPJIA dalam mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan. Bengkel Perancangan Strategik telah dilaksanakan supaya setiap bahagian, unit dan fakulti cakna serta memainkan peranan masing-masing untuk mencapai PI UiTMCJ.

Dari segi **Pelaksanaan (Do)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti ini dengan meluluskan pelaksanaan program, kelulusan dana kewangan serta menyediakan infrastruktur dan sumber manusia yang bersesuaian supaya objektif program dapat dicapai. Pelaksanaan aktiviti alumni berimpak dan penglibatan alumni tersohor seperti Dato' Hj Asri Ahmad dan Dato' Aria Putra telah memberikan impak yang sangat besar kepada komuniti dan pelajar UiTMCJ. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah menyokong dan meluluskan pelaksanaan pelbagai program komuniti dan kesukarelawanan di antara UiTMCJ dengan komuniti setempat, nasional dan antarabangsa seperti program perundingan dan *Special Interest Group* (SIG). Bahagian HEA juga turut terlibat dalam agenda tanggungjawab sosial universiti ini dengan melaksanakan aktiviti SULAM mengikut kod kursus kepada komuniti.

Bagi memastikan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti ini terlaksana dengan baik dan berkesan, Penyelaras USTU akan membantu Pengurusan Kanan UiTMCJ melaksanakan **Pemantauan (Check)** ke atas semua PI yang telah diamanahkan termasuklah PI yang melibatkan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Laporan status pelaksanaan projek akan dibentangkan oleh ketua projek dan penyelaras yang berkaitan di peringkat unit dan bahagian dan kemudiannya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) bagi memastikan semua ketua bahagian cakna dan mengambil maklum status pencapaian semasa PI di UiTMCJ.

Berdasarkan status pemantauan semasa, **Penambahbaikan (Act)** akan dibuat di mana cadangan penyelesaian akan dibincangkan sekiranya terdapat isu dan permasalahan yang dikenalpasti ketika pelaksanaan program. Isu berkaitan akan dibawa ke dalam mesyuarat yang melibatkan Pengurusan Kanan UiTMCJ dan tindakan penambahbaikan akan diambil daripada hasil mesyuarat yang dijalankan.



## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTM CJ menggunakan **pendekatan kepimpinan transformasional** dalam memotivasikan warga UiTM CJ secara intelektual untuk bersama-sama melaksanakan dan menjayakan aspirasi *Globally Renowned University (GRU) 2025* amnya dan menggerakkan bidang tumpuan **Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan** khususnya. Bagi tahun 2022, UiTM CJ telah memfokuskan **agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti** selaras dengan 1) Amanat Menteri Pengajian Tinggi dalam Strategi Kelima : Memacu Kesejahteraan Komuniti, 2) Amanat Naib Canselor UiTM 2022 untuk membantu komuniti setempat serta menyumbang kepada pencapaian 3) *Sustainable Development Goals (SDG) 11 : Sustainable Cities & Communities (Lampiran 1.2.1)*. Komitmen Pengurusan Kanan UiTM CJ dalam menyokong agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti juga dapat dilihat melalui saranan Rektor secara terus kepada ahli JKEN (Penolong Rektor kampus Pasir Gudang) di dalam Mesyuarat JKEN untuk melaksanakan jalinan kerjasama dengan komuniti untuk kebaikan bersama pada masa akan datang.

Dalam merencanakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti, Pengurusan Kanan UiTM CJ menggunakan **pendekatan Top-Down dan Bottom-Up**. Pendekatan **Top-Down** dilaksanakan dengan mengagihkan Petunjuk Prestasi (PI) UiTM CJ yang telah diperturunkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada unit, bahagian dan fakulti di UiTM CJ melalui perbincangan antara ketua-ketua bahagian di dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTM CJ 2022** serta berdasarkan kompetensi dan ketersediaan warga UiTM CJ. Hasil diskusi dan persetujuan bersama ini diterjemahkan ke dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) UiTM CJ yang menjadi rujukan dan panduan pelaksanaan inisiatif strategik sepanjang tahun 2022. Selain itu, Pengurusan Kanan UiTM CJ juga melaksanakan **Sesi Libat Urus** bagi menyampaikan maklumat secara terus dan telus kepada warga UiTM CJ bagi membantu pencapaian PI yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, sesi libat urus telah dilaksanakan oleh Rektor UiTM CJ dan Timbalan Rektor BPJIA UiTM CJ. (**Lampiran 1.2.2**).

**Pendekatan Bottom-Up** pula dilaksanakan dengan permohonan kelulusan daripada Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) bagi cadangan pelaksanaan program dan aktiviti oleh bahagian, unit dan fakulti melalui Mesyuarat JKEN memandangkan JKEN merupakan badan pelulus tertinggi di peringkat UiTM cawangan. Kelulusan pelaksanaan program dan aktiviti adalah penting bagi memastikan JKEN mengambil maklum dan memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada warga UiTM CJ terutamanya apabila melibatkan kelulusan dana kewangan (**Lampiran 1.2.3**). Selain itu, Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) turut dijemput sebagai ahli turut hadir di dalam Mesyuarat JKEN bagi membentangkan pelaporan pencapaian semasa PI UiTM CJ. Agenda ini dapat memberikan gambaran dan maklumat terkini kepada Pengurusan Kanan UiTM CJ berkenaan status pelaksanaan inisiatif di peringkat warga UiTM CJ. Pemakluman kepada semua ketua bahagian selaku "*middle management*" juga disampaikan oleh Penyelaras USTU di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) (**Lampiran 1.2.4**).

Ketampakan barisan Pengurusan Kanan UiTM CJ yang dinamik serta pendekatan kepimpinan transformasional yang menyerlah dapat dilihat melalui **kolaborasi secara langsung dan perkongsian pintar** yang memberi faedah kepada komuniti dengan pelbagai institusi, badan kerajaan dan industri. Pengurusan Kanan UiTM CJ sentiasa menyokong serta menggalakkan warga UiTM CJ menambahbaik hubungan dengan pihak luar melalui *MoU/MoA/LOI* bagi merealisasikan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti (**Lampiran 1.2.5**). Sinergi jaringan ini telah membantu meningkatkan keterlibatan UiTM CJ dengan komuniti tempatan, nasional dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20231\\_UiTM CJ\\_L 1.2.1 Pemetaan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti.pdf](#)

2. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 1.2.2 Pendekatan Top Down.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 1.2.3 Pendekatan Bottom Up.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 1.2.4 Pendekatan Bottom Up Pelaporan PI.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 1.2.5 Kolaborasi dan Perkongsian Pintar.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang serta merealisasikan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah **memperkasakan struktur organisasi** BPJIA UiTMCJ. Koordinator ICAN dan Penyelaras Alumni telah dilantik di kampus Segamat dan Pasir Gudang bagi menyelaras serta mengkoordinasi projek dan program alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang dilaksanakan di UiTMCJ. Koordinator ICAN dan Penyelaras Alumni akan membuat hebahan semasa melibatkan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti melalui emel bagi memastikan warga UiTMCJ sentiasa mendapat maklumat terkini dan cakna dengan persekitaran semasa UiTM (**Lampiran 1.3.1**)

Pengurusan Kanan UiTMCJ mengutamakan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh. Perluasan dan perkongsian hala tuju UiTMCJ dalam agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti digerakkan melalui saluran komunikasi sehalu dan dua hala seperti Amanat Rektor, Sesi Libat Urus, Sesi Libat Sama, mesyuarat, emel, laman sesawang dan media sosial. Penyelaras USTU UiTMCJ membentangkan keseluruhan PI UiTMCJ kepada semua Ketua Bahagian manakala Timbalan Rektor BPJIA membentangkan PI bagi RMC dan ICAN di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian dan juga Sesi Libat Urus Timbalan Rektor BPJI bersama pensyarah. Ini sejajar dengan pendekatan transformasional dan prinsip Pengurusan Kanan UiTMCJ yang sentiasa menggalakkan cetusan idea baru untuk tujuan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan UiTMCJ (**Lampiran 1.3.2**)

Seluruh warga UiTMCJ digerakkan bagi melaksanakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti bermula dengan pembentangan perancangan jangka panjang **Projek SDG@UiTMCJ** oleh Timbalan Rektor BPJI di dalam Mesyuarat JKEN. Antara beberapa projek yang telah dirancang dan sedang dijalankan adalah **SDG Cakna Komuniti, SDG Perkhidmatan “Drop” and “Go”, SDG UiTM Cares, SDG Food Security, SIG-SDG Entrepreneurship in Action, misi bantuan banjir serta program komuniti Kami Prihatin Perkampungan Orang Asli Kuala Masai.** Program ini bukan sahaja dapat memperkasakan peranan universiti dalam menyumbang kepada komuniti setempat, malah dapat memperkukuh lagi hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak. (**Lampiran 1.3.3**)

Kebersamaan warga UiTMCJ dalam agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti ini dapat dibuktikan apabila amanah ini bukan sahaja dilaksanakan oleh BPJIA, tetapi juga turut dilaksanakan oleh unit dan bahagian lain seperti Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (**Lampiran 1.3.4**)

Reputasi UiTMCJ sebagai kampus komuniti terserlah apabila menerima **Anugerah Khas TNC ICAN** di Anugerah MeTIC 11/2022 di mana UiTMCJ adalah **penerima tunggal anugerah khas ini untuk keseluruhan sistem UiTM** beserta **Tempat Pertama Projek Komuniti Helix Terbaik dan Tempat Pertama Projek KTP Terbaik**. Kolaborasi dan perkongsian pintar UiTMCJ dengan alumni juga diiktiraf apabila UiTMCJ mendapat **Tempat Pertama Kolaborasi Alumni Terbaik**. Penganugerahan dan pengiktirafan ini telah melakarkan kecemerlangan UiTMCJ sebagai kampus komuniti sekaligus meletakkan UiTMCJ sebagai peneraju utama kampus komuniti bukan sahaja di peringkat UiTM dan negeri Johor, malah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kecemerlangan ini telah menjadi suri teladan dan sohor kini apabila UiTMCJ dilantik untuk menjadi penasihat dan perunding pelbagai projek komuniti dan kesukarelawanan serta menerima pelbagai geran dan dana luar bagi melaksanakan projek komuniti. Sebagai contoh, UiTMCJ telah dilantik sebagai pakar perunding oleh MyIskandar Sdn Bhd dengan nilai penajaan hampir RM65,000 serta menerima Geran Duta Mahasiswa Johor dengan jumlah dana sebanyak RM36,000 (**Lampiran 1.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L\\_1.3.1 Struktur Organisasi BPJIA.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L\\_1.3.2 Hebahan dan Pemakluman.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L\\_1.3.3 Program SDG UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L\\_1.3.4 Kebersamaan Warga.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L\\_1.3.5 Penganugerahan dan Pengiktirafan.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melaksanakan pelan tindakan pemantauan secara berkala. Keseluruhan pencapaian PI UiTMCJ akan dipantau oleh Penyelaras USTU UiTMCJ dan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ di dalam Mesyuarat JKEN dan dimaklumkan kepada semua Ketua Bahagian di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB). Peringatan berkala juga akan diberikan oleh Penyelaras USTU melalui emel kepada pengurus projek untuk mengemaskini status pencapaian PI masing-masing ke sistem peneraju. Timbalan Rektor BPJIA pula akan melaksanakan pemantauan secara terperinci status pencapaian PI ICAN di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) UiTMCJ (**Lampiran 1.4.1.1**).

Projek berimpak seperti **Projek SIG-SDG Community of Practice** dilaksanakan di bawah *Special Interest Group (SIG)* UiTMCJ dan dipantau terus oleh Timbalan Rektor BPJIA bagi memastikan pelaksanaannya memberi impak kepada pihak berkepentingan dan komuniti terlibat. Di samping itu, projek ini turut dipantau secara bulanan oleh pihak *All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)* di mana jawatankuasa pelaksana projek perlu membentangkan status pelaksanaan projek, perbelanjaan bulanan dan masalah yang dihadapi bagi memastikan projek mencapai objektif yang ditetapkan. Pemantauan projek **SIG-SDG Community of Practice** turut dilaksanakan melalui sesi temubual bagi memastikan peserta melaksanakan aktiviti keusahawanan yang dirancang dan mengenal pasti masalah yang dihadapi bagi memastikan tindakan susulan dapat dilaksanakan dan objektif penjana pendapatan peserta dapat dicapai. Mesyuarat berkala dalam kalangan ahli kumpulan juga dilaksanakan bagi membincangkan perjalanan projek dan perbincangan penyelesaian kepada masalah dan cabaran yang dihadapi. (**Lampiran 1.4.1.2**).

Keseriusan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam memantau pencapaian semasa PI dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif diterjemahkan dengan mengadakan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Strategik bagi Pencapaian PI 50% dan ke bawah** pada suku kedua tahun 2022. Pengurus Projek adalah diminta untuk membentangkan pelan mitigasi bagi meningkatkan pencapaian untuk suku tahun berikutnya (**Lampiran 1.4.1.3**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 1.4.1.1 Pemantauan USTU UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 1.4.1.2 Pemantauan Pihak Ketiga.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 1.4.1.3 Mesyuarat Kaji Semula Perancangan Strategik.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti mempunyai pengaruh risiko yang tersendiri di mana setiap projek mempunyai cabaran yang berbeza.

Bagi inisiatif komuniti, Pengurusan Kanan UiTMCJ memastikan setiap projek dan program yang dilaksanakan mempunyai ahli jawatankuasa bagi memastikan aspek perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan berkala dapat dilaksanakan. Di samping itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga menyokong pelantikan ahli akademik UiTMCJ yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan untuk menjadi penceramah dan fasilitator bagi memastikan aktiviti keusahawanan dan penjana pendapatan yang bakal dijalankan oleh komuniti terpilih dapat dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini dapat membantu mengurangkan risiko pembaziran dan kerugian dalam kalangan peserta yang terlibat. Gerak kerja, mesyuarat dan laporan berkala juga disediakan bagi memastikan kelancaran setiap aktiviti yang dirancang. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga mengambil pendekatan menyokong kerjasama jawatankuasa pelaksana projek dengan institusi luar seperti Kolej Komuniti Tampin bagi memastikan peserta memperoleh latihan yang sepatutnya bagi menjalankan perniagaan yang dirancang (**Lampiran 1.4.2.1**).

Bagi mengurangkan risiko dalam inisiatif alumni, Pengurusan Kanan UiTMCJ meneruskan kerjasama yang lebih sistematik melalui MoA antara UiTMCJ dan Asri Ahmad Academy. Kedua-dua belah pihak akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan usaha yang dirancang bersama dapat dijalankan dengan jayanya. Selain itu, bagi mengatasi risiko kewangan dan pelaksanaan projek Perintis Usahawan Muda Alumni yang melibatkan sesi ceramah dan bimbingan untuk alumni UiTMCJ bagi menubuhkan perniagaan sendiri, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah meluluskan pelantikan NH Revo Resources sebagai pengendali program dan peruntukan geran dibawah Geran Program Alumni dan Tabung Alumni Manakala bagi projek Alumni Prihatin dan SPKG, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah menubuhkan jawatankuasa yang terdiri dari Ahli Jawatankuasa Unit Alumni UiTMCJ yang berpengalaman bagi memastikan kelancaran program melalui pemantauan dan mesyuarat berkala (**Lampiran 1.4.2.2**).

Bagi menjayakan misi pengantarabangsaan melalui program kesukarelawanan pelajar, Unit Komunikasi Korporat dan Bahagian HEP kampus Pasir Gudang telah bekerjasama bagi melancarkan proses mendapatkan kelulusan aktiviti daripada Pengurusan Kanan UiTMCJ serta memastikan program dijalankan seperti yang dirancang dan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh penganjur. Setiap tindakan yang diambil terhadap risiko yang bakal atau sedang dihadapi dilaksanakan dengan mangambilkira aspek keberkesanan dan kecekapan tindakan yang diambil agar tiada sebarang ketirisan sumber berlaku dan menjimatkan masa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 1.4.2.1 Tindakan Pencegahan Projek Komuniti.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 1.4.2.2 Tindakan Pencegahan Projek Alumni.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Prestasi setiap inisiatif amat dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ, dimana setiap masalah berbangkit akan dibincangkan dan tindakan susulan akan diambil bagi memastikan penambahbaikan dapat dilaksanakan seterusnya projek yang dijalankan dapat menghasilkan output yang terbaik dan bermanfaat kepada semua pihak yang mempunyai kepentingan. Justeru itu, Penyelaras USTU telah membantu Pengurusan Kanan UiTMCJ mengumpul semua maklumat berkaitan projek mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk memastikan inisiatif mencapai objektif yang ditetapkan. Penyelaras USTU menghantar emel peringatan penghantaran laporan pada setiap bulan kepada pengurus projek mengikut petunjuk prestasi UiTMCJ (**Lampiran 1.4.3.1**).

Berdasarkan pelaporan yang diperolehi, Penyelaras USTU UiTMCJ membentangkan peratus pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian UiTMCJ. Setiap isu berbangkit akan dianalisa dan perancangan penambahbaikan akan dibincangkan bagi memastikan penghasilan projek yang selari dengan objektif yang ditetapkan. Hasil tindakan penambahbaikan ini dikaji dengan teliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan. Tindakan hasil penganalisan dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui perbincangan di peringkat bahagian serta di dalam mesyuarat ketua bahagian bagi setiap petunjuk prestasi yang belum tercapai (**Lampiran 1.4.3.2**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 1.4.3.1 Pemantauan Berkala PI USTU 2022.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 1.4.3.2 Minit Mesyuarat MKB bagi Kaji Semula Pencapaian PI.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah merangka inisiatif utama dalam agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti untuk mencapai objektif yang ditetapkan serta menggalakkan keterlibatan staf dalam bidang tumpuan yang telah dipilih. Setiap program di bawah inisiatif yang dirangka, diketuai oleh staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan dan disokong oleh jawatankuasa pelaksana yang komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugas dan amanah. Secara amnya, inisiatif, usaha dan sokongan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dibahagikan kepada tiga (3) aspek iaitu pembudayaan dan penggalakkan aktiviti bagi menyokong agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti, sokongan kewangan serta pengiktirafan dan sanjungan (**Lampiran 1.5.1**)

Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa prihatin terhadap keperluan warga UiTMCJ dalam menjayakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti. Ini dapat dilihat melalui sokongan yang padu dan jitu dalam aspek penyediaan kemudahan untuk warga kampus meliputi pelbagai kemudahan infrastruktur seperti pengangkutan, penyediaan lokasi, perhubungan dan ruang. Kemudahan-kemudahan ini amat penting bagi memastikan kejayaan aktiviti berkaitan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan sentiasa terjalin antara UiTMCJ, masyarakat luar serta komuniti setempat. **Lampiran 1.5.2** menunjukkan beberapa bukti kemudahan dan logistik serta infrastruktur oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi menyokong agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti.

Seterusnya dalam aspek sokongan kewangan, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memberikan sokongan dengan meluluskan dana dan peruntukan kewangan bagi menyokong aktiviti berkaitan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dalam kalangan warga kampus. Dengan sokongan kewangan ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ mengharapkan agar warga kampus terus dapat melaksanakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti dengan lancar dan tersusun seperti yang dirancang bagi mencapai objektif universiti. Sokongan kewangan meliputi pembayaran yuran untuk menyertai aktiviti berkaitan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Selain itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga menyokong permohonan pembiayaan dana daripada pihak luar bagi menjayakan lagi projek-projek yang dirancang. Tanda sokongan padu daripada Pengurusan Kanan UiTMCJ dapat dilihat melalui jumlah projek yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022 (**Lampiran 1.5.3**)

Sebagai menghargai usaha dan iltizam serta komitmen padu yang telah diberikan oleh warga kampus UiTMCJ, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memberi pengiktirafan dan sanjungan terhadap komitmen warga kampus. Antara kaedah pengiktirafan dan sanjungan yang menjadi amalan Pengurusan Kanan UiTMCJ adalah dengan mengumumkan kejayaan melalui hebahan web, emel dan *facebook*, memberikan sijil dan surat penghargaan serta meraikan kejayaan mereka dalam majlis penghargaan. Di samping itu juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan majalah seperti e-Adicita dan i-Prestige bagi mengabadikan serta menghargai jasa warga UiTMCJ dalam menyemarakkan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti (**Lampiran 1.5.4**).

Hasil dorongan, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ secara tidak langsung menyemarakkan lagi semangat warga dalam menjayakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti ke peringkat yang lebih tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L\\_1.5.1\\_Rumusan\\_Inisiatif\\_Pembudayaan.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L\\_1.5.2\\_Kemudahan\\_Infrastruktur.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L\\_1.5.3\\_Sokongan\\_Kewangan.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_L\\_1.5.4\\_Pengiktirafan\\_dan\\_Sanjungan.pdf](#)
- 5.



## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ menjadikan Pelan Strategik UiTM 2025 dan dasar pendidikan negara sebagai panduan utama bagi mencapai visi dan misi UiTM (**Plan**). Sebagai sebuah institusi pendidikan UiTMCJ optimis melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan komuniti dan alumni melalui pindahan ilmu, kepakaran dan perkongsian kemudahan yang memberi manfaat kepada semua pihak. Ini termasuk juga dengan aktiviti-aktiviti kesukarelawan dikalangan warga UiTMCJ. Warga UiTMCJ ini bukan hanya memfokus kepada para pelajar tetapi juga meliputi kakitangan akademik dan pentadbiran UiTMCJ. Bagi memastikan warga kampus UiTMCJ jelas dengan hala tuju UiTMCJ khususnya dan UiTM amnya, pelbagai strategi telah dirancang agar pelaksanaan projek dan aktiviti dibuat dengan sempurna dan tersusun (**Do**). Pemantauan (**Check**) pelaksanaan dibuat secara berkala dengan mengaplikasikan kaedah IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Output dan hasil aktiviti-aktiviti yang lepas dikaji keberkesannya dan dijadikan input bagi merancang strategi akan datang. Strategi yang telah dirancang akan dilaksanakan. Sepanjang pelaksanaan strategi, pemantauan sentiasa dibuat bagi memastikan pelaksanaan strategi menmbuhkan hasil yang positif. Sepanjang pelaksanaan dan pemantauan dibuat, UiTMCJ juga sentiasa memastikan tindakan penambahbaikan (**Act**) dilaksanakan bagi memastikan mutu perkhidmatan ataupun produk UiTMCJ sentiasa berkualiti tinggi. Penyebaran maklumat kepada warga UiTMCJ turut dibuat melalui pelbagai platform bagi memastikan warga sentiasa memperoleh maklumat yang tepat, seterusnya membangkitkan semangat berpasukan bagi mencapai visi dan misi yang digariskan. Ia juga membangkitkan sinergi positif dalam kalangan warga UiTMCJ yang secara tidak langsung menjadi satu momentum bagi memajukan diri bersama-sama dengan UiTMCJ.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam merancang hala tuju UiTMCJ, pengurusan kanan UiTMCJ sentiasa memastikan perancangan yang dibuat seiring dengan aspirasi UiTM dan dasar pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030), menjadi rujukan utama kepada perancangan bidang tumpuan jaringan komuniti, alumni dan sukarelawan (**Lampiran 2.2.1**). Jaringan komuniti dan alumni melalui pelbagai aktiviti termasuk kesukarelawan secara tidak langsung melonjakkan kebolehpasaran graduan UiTMCJ. Kerjasama ini seiring dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 yang menjadikan alumni dan komuniti/NGO sebagai rakan strategik (**Lampiran 2.2.1**).

Memperkasakan kerjasama antara UiTMCJ, alumni dan komuniti melalui pindahan ilmu dan kepakaran dan juga perkongsian kemudahan yang memberi manfaat pada semua pihak telah menjadi objektif utama bagi bidang tumpuan yang dipilih (**Lampiran 2.2.2**). Bagi memastikan objektif yang digariskan tercapai, tiga inisiatif utama telah dirancang iaitu:

### ? Alumni

Inisiatif ini menumpukan kepada program-program kolaborasi bersama alumni yang mampu memperkukuhkan hasil UiTMCJ yang mendatangkan manfaat kepada pelajar, staf dan alumni.

### ? Komuniti

Inisiatif ini memfokuskan kepada program-program kerjasama komuniti setempat melalui aktiviti-aktiviti pindaan ilmu dan kepakaran dari warga UiTMCJ.

### ? Kesukarelawan

Inisiatif ini memberi keutamaan program-program kesukarelawan yang memberi kesan positif kepada UiTMCJ dan penerima bantuan sukarelawan.

Tiga inisiatif utama ini adalah selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu Tema Strategik 2: Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan dan Tema Strategik 5: Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni. (**Lampiran 2.2.2, Lampiran 2.2.3 dan Lampiran 2.2.4**).

UiTMCJ juga membuat inovasi dan berkongsi pengetahuan dalam bengkel perancangan strategik dan mengkoordinasikan perancangan strategik setiap bahagian, unit dan fakulti agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 2.2.5**).

## **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.2.1 Pemetaan.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.2.2 Objektif strategik.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.2.3 Pemetaan Objektif Strategik UiTMCJ dan Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 2.2.4 Perancangan Strategik Tiga Tema Utama Alumni - komuniti - sukarelawan.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 2.2.5 Bengkel Perancangan Strategik 2022.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan warga kampus sentiasa cakna dengan objektif dan inisiatif strategik serta perancangan strategik UiTMCJ, pemakluman dan peringatan tahap prestasi kampus disampaikan dari semasa ke semasa melalui pelbagai medium di pelbagai peringkat. Perkongsian secara berkala dapat meningkatkan sinergi antara bahagian dalam usaha berterusan mencapai perancangan yang telah digariskan.

Amanat Bulanan Rektor merupakan satu wadah perkongsian oleh ketua jabatan, iaitu Rektor kepada seluruh warga kampus akan aspirasi universiti dan negara. Bagi tahun 2022, program Amanat Bulanan Rektor masih menggunakan medium atas talian iaitu melalui saluran *youtube* rasmi UiTM Cawangan Johor. Selain menzahirkan amanat rektor, penyebaran maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik turut disebar luas melalui siri bulanan ini. Selain itu, perkongsian daripada rektor melalui artikel Minda Rektor merupakan inisiatif pihak pengurusan dalam menyampaikan kepada seluruh warga tentang kedudukan dan halatuju UiTMCJ dalam usaha mencapai pelan perancangan strategik UiTM (**Lampiran 2.3.1**).

Dalam usaha memastikan seluruh warga kampus maklum tentang di mana kedudukan kampus UiTMCJ terkini, emel pemakluman oleh Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti amatlah bertepatan (**Lampiran 2.3.2**). Melalui email pemakluman ini, seluruh warga kampus maklum di mana kedudukan kampus terkini, justeru boleh bergerak untuk ke arah pencapaian lebih tinggi. Seterusnya, bagi memastikan semua peringkat warga cakna tentang inisiatif strategik kampus, perluasan di peringkat jabatan turut disampaikan oleh ketua di setiap jabatan.

Selain itu, perkongsian pencapaian projek berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawan turut dikongsikan bersama warga UiTMCJ melalui majalah dan laporan atas talian terbitan UiTMCJ, iaitu Paradigma Johor dan i-Prestige (**Lampiran 2.3.3**). Melalui perkongsian ini, dapat dilihat keupayaan warga kampus menjadi pakar rujuk komuniti dan juga bekerjasama dengan alumni dalam meningkatkan prestasi kampus.

Direktori Projek Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) “2019-2022” juga disediakan supaya warga kampus maklum dengan projek yang sedang berjalan. Direktori ini merupakan direktori yang menyenaraikan 59 projek yang telah dan akan dijalankan oleh warga UiTMCJ dalam bidang perundangan, penternakan dan pertanian, khidmat masyarakat, pendidikan, dan banyak lagi. (**Lampiran 2.3.4**). Aktiviti penyebaran maklumat ini secara tidak langsung menaikkan semangat warga untuk lebih berdaya saing dan kreatif bagi membantu UiTMCJ mencapai objektif. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai medium media sosial oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ (**Lampiran 2.3.5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.3.1 Amanat Bulanan Rektor 2022.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.3.2 Emel Pemakluman PI.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.3.3 Majalah Paradigma i-Prestige.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 2.3.4 Direktori Projek.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 2.3.5 Platform Media Sosial Pengurusan Kanan.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCJ telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan oleh Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ secara konsisten, progresif dan berkala melalui carta alir PDCA (Plan, Do, Check, Action). **(Lampiran 2.4.1.1).**

Terdapat beberapa langkah yang telah dirangka bagi memantau projek yang dijalankan di UiTMCJ. Antara langkah yang dijalankan adalah pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi daripada penyelaras setiap unit pada setiap hujung bulan. Kemudian, penyelaras USTU akan mengemaskini kesemua pencapaian prestasi bulanan bagi setiap dan hebahan pencapaian petunjuk prestasi dimaklumkan kepada warga kampus UiTMCJ melalui email. **(Lampiran 2.4.1.1).**

Sistem SMART dan PRIME digunapakai dalam proses pemantauan projek yang sedang dijalankan. Kaedah pemantauan melalui sistem ini akan menjadi lebih sistematik dan efektif dimana koordinator sistem dapat memantau kesemua pelaksanaan projek yang berdaftar dengan lebih menyeluruh. Selain itu, tempoh masa pelaksanaan dapat dipantau dengan mudah bagi memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan serta memudahkan proses penambahbaikan. **(Lampiran 2.4.1.2).**

Selain daripada itu, setiap unit perlulah mengemukakan pelan tindakan strategik (SAP) bagi memastikan petunjuk prestasi UiTMCJ tercapai dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi program yang melibatkan alumni, komuniti dan sukarelawan, unit BPJIA (ICAN) dipertanggungjawab dalam mengurus dan memantau projek-projek yang berkaitan. Koordinator BPJIA (ICAN) memantau status terkini projek yang dijalankan secara berkala melalui sistem PRIME dan pelaporan analisa dibuat bagi setiap suku tahunan melalui mesyuarat jawatankuasa jaringan negeri. Setap pencapaian prestasi akan dibentangkan pada mesyuarat tersebut. **(Lampiran 2.4.1.3).**

Melalui hasil pemantauan,UiTMCJ dapat memantau keberkesanan sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Segala pelaporan program yang merangkumi objektif, keberkesanan (analisa) dan penambahbaikan telah dikongsikan kepada semua warga UiTMCJ di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan (amanat rektor/mesyuarat akademik) bersama pihak pengurusan kanan bagi menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik program seumpama yang akan dijalankan pada masa akan datang. Informasi ini akan menjadi penanda aras kepada inisiatif lain dan membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancangkan itu tidak menepati sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembedahan dan penambahbaikan dapat diambil segera.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.4.1.1 PDCA PEMANTAUAN.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.4.1.2 Pemantauan Sistem SMART PRIME.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.4.1.3 Pemantauan Berkala senarai projek UiTMCJ \(ICAN\).pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam memastikan kelancaran sesuatu pelaksanaan, mengenalpasti risiko yang mungkin berlaku adalah penting. Oleh itu pihak USTU UiTMCJ adalah komited bagi memastikan projek-projek di bawah fokus bidang utama iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan berjalan dengan lancar dengan sentiasa memantau dan komited dalam mengenalpasti setiap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik bagi setiap projek yang dilaksanakan.

Sebagai contoh, bagi memastikan kelancaran sebarang pelan tindakan, pihak USTU UiTMCJ mengadakan bengkel Pra Perancangan Strategik bagi ahli PI membincangkan dengan lebih jelas berkenaan rangka aktiviti dan sebarang risiko yang mungkin akan berlaku (**Lampiran 2.4.2.1**). Segala perangkaan dibincangkan serta pengurusan masalah (SAP Risk Management) juga akan direkodkan di dalam satu 'spreadsheet' sebagai rujukan PTJ dan semua PI (**Lampiran 2.4.2.2**).

Pemantauan risiko juga turut diwujudkan dan direkodkan di dalam sistem Bahagian Transformasi Universiti (BTU) (**Lampiran 2.4.2.2**) bagi memudahkan pihak pentadbir universiti untuk mendapatkan informasi terkini berkenaan bidang tumpuan yang difokuskan. Tindakan pencegahan perancangan strategik dikenalpasti bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program.

Selain itu, UiTMCJ juga merangka SWOT analisis sebagai satu garis panduan dalam memastikan risiko dapat diurus dengan baik. Analisa SWOT dibuat bagi mengenalpasti kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*). Melalui Analisa SWOT, kesemua strategi dan perancangan projek dapat diatur dengan lebih efektif. Secara realitinya, analisa SWOT ini telah membantu merencanakan strategi bagi projek-projek ini untuk diaplikasikan bagi mencapai kejayaan (**Lampiran 2.4.2.3**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.4.2.1 Panggilan Bengkel Pra Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.4.2.2 Risiko.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.4.2.3 SWOT.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa berusaha dalam meningkatkan dan menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang Jaringan Alumni (**Lampiran 2.4.3.1**), komuniti (**Lampiran 2.4.3.2**), dan kesukarelawanan (**Lampiran 2.4.3.3**). Pemantauan berkala dilakukan oleh USTU UiTMCJ kepada setiap PI yang telah dirangka bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur.

Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan. Tindakan pencegahan perancangan strategik dikenalpasti bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.4.3.1 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Alumni.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.4.3.2 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Komuniti.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.4.3.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Kesukarelawanan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti di UiTMCJ menumpukan kepada pemindahan ilmu dan kepakaran di samping berkongsi kemudahan yang memberi manfaat kepada semua pihak. Ini adalah termasuk kolaborasi bersama alumni, menjalankan program kerjasama komuniti setempat dan juga program-program sukarelawan.

Pembudayaan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti ini telah diperluas ke seluruh warga UiTMCJ, alumni, komuniti dan industri di dalam dan luar negara. Hal ini dapat dilihat melalui kejayaan pelaksanaan program jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Antaranya ialah beberapa program bersama alumni UiTMCJ telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada alumni-alumni UiTMCJ untuk kembali berbakti kepada universiti dan seterusnya mewujudkan jaringan antara alumni, industri dan universiti (**Lampiran 2.5.1**). Beberapa siri webinar turut dijalankan bersama alumni untuk berkongsi pendapat dan ilmu kepada warga UiTMCJ. Melalui sesi ini, ia dapat membantu mahasiswa dalam membina jaringan sosial yang positif dengan alumni yang telah berjaya dan berkerjaya. Ia akan menjadi platform yang dapat mewujudkan perkongsian dan pertukaran idea sesama mereka (**Lampiran 2.5.2**).

Tumpuan ke arah kerjasama antara komuniti juga turut ditekankan melalui beberapa program yang telah dijalankan bersama masyarakat setempat. Program khidmat masyarakat ini turut melibatkan penyertaan pelajar dan staf UiTMCJ. Melalui program seperti ini, ia dapat memberi latihan dan pendedahan awal kepada pelajar, memupuk sifat kepimpinan, kemasyarakatan, kasih sayang dan saling bantu membantu antara satu sama lain (**Lampiran 2.5.3**). Program pemindahan ilmu dan kepakaran dari warga UiTMCJ turut dijalankan bertujuan untuk pembangunan kemahiran komuniti dan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih baik dalam komuniti. Beberapa pensyarah telah terlibat dalam beberapa program komuniti di mana mereka dilantik sebagai penceramah dan fasilitator dalam berkongsi ilmu bidang berkaitan. Selain itu, pelantikan pensyarah sebagai perunding dan kepakaran dalam projek-projek komuniti berkaitan dibawah geran turut menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan (**Lampiran 2.5.4**).

Seterusnya, program sukarelawan turut dijalankan yang mana memberi kesan positif kepada UiTMCJ dan penerima bantuan sukarelawan. Antaranya seperti program bantuan banjir. Melalui program ini, ia dapat meringankan beban golongan yang terlibat di samping memupuk sifat bersedekah dan berkasih sayang sesama manusia. Penglibatan beberapa pelajar dalam program sukarelawan di peringkat antarabangsa juga ditumpukan bagi mencapai KPI yang boleh membantu kecemerlangan universiti (**Lampiran 2.5.5**).

Kejayaan pencapaian perancangan strategik dalam bidang tumpuan alumni, komuniti dan sukarelawan adalah hasil daripada kerjasama dan komitmen yang telah diberikan oleh seluruh warga UiTMCJ, alumni, komuniti dan industri di dalam dan luar negara.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 2.5.1\\_Program bersama Alumni.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 2.5.2\\_Sesi perkongsian Alumni.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 2.5.3\\_Program Komuniti.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 2.5.4\\_Kepakaran staf UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 2.5.5\\_Program sukarelawan.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan dan segala keperluan diperincikan oleh semua pihak di UiTMCJ terutamanya dalam Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan dalam mencapai objektif strategik dan inisiatif utama yang telah ditetapkan. Secara khususnya penumpuan pelanggan diberikan kepada alumni, staf, pelajar, industri dan komuniti. UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasar melalui analisis, aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan.

Permulaan perancangan (**Plan**) untuk tumpuan pelanggan, projek-projek di bawah tiga inisiatif utama dirangka dianjurkan bagi mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pendidikan pengajian tinggi tetapi sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak kumpulan sasar. Melalui penumpuan terhadap kumpulan sasar, pihak UiTMCJ dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap pelanggannya. Kaedah dan cara pelaksanaan (**Do**) telah dikenalpasti bermula daripada proses pengumpulan maklumat, aduan, analisa dan tindakan susulan berdasarkan kepada maklumbalas yang diperolehi.

Hasil daripada analisa (**Check**) yang dilakukan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ, beberapa mekanisme bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Pemantauan ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'.

UiTMCJ sentiasa memberi penekanan terhadap penglibatan kumpulan sasar dalam sesuatu projek terutama dari aspek perancangan penambahbaikan. Penglibatan kumpulan sasar ini amatlah penting bagi keberlangsungan projek dan memastikan objektif dan pelaksanaan sesuatu projek dicapai. Semua maklumbalas daripada peserta dan pelanggan diberikan kepada pihak penganjur bagi mengetahui tahap kepuasan hati terhadap projek-projek yang dijalankan. Maklumbalas (**Act**) tersebut amat penting kepada UiTMCJ dalam memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan berjaya mencapai objektif serta dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada semua pelanggan yang terlibat iaitu pelajar, staf UiTMCJ, masyarakat setempat dan pihak industri di dalam dan luar negara.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ sentiasa memastikan inisiatif projek yang dirangka berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2021- 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 dan Dasar Pembangunan Mampan (SDG) yang menjadi teras kepada penentuan kumpulan sasar bagi inisiatif projek yang dianjurkan. Kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan yang dimaksudkan adalah **pelanggan dalaman (staf dan pelajar) dan pelanggan luaran (alumni, komuniti, industri)**. Melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Pelan Perancangan Strategik, UiTMCJ telah merancang program dan projek mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan dengan memastikan setiap pelanggan yang dikenalpasti menerima faedah yang ingin dicapai. Bagi memastikan setiap petunjuk prestasi dicapai, UiTMCJ telah mengadakan sesi pemurnian Pelan Strategik UiTMCJ dengan melibatkan perbincangan bersama seluruh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian. Seterusnya, Pengurusan Kanan UiTMCJ **menyalurkan maklumat PI kepada warga UiTMCJ melalui Mesyuarat Ketua Bahagian, Amanat Bulanan Rektor dan juga melalui Sesi Libat Urus Timbalan Rektor BPJIA (Lampiran 3.2.1)**.

Bagi inisiatif alumni, UiTMCJ membuat pendekatan dengan menjalinkan Memorandum Perjanjian (MoA) di bawah program Kolaborasi Bersama Asri Ahmad Academy. Program perintis **usahawan muda alumni** pula merupakan satu pendekatan yang baik dalam menarik alumni, yang juga merupakan kumpulan sasar utama bagi merealisasikan projek-projek keusahawanan. Program alumni prihatin pula merupakan satu pendekatan yang baik dalam perkongsian pengetahuan dan memberi kesedaran **alumni terhadap kelangsungan mahasiswa** yang juga merupakan kumpulan sasar yang utama. Program Sirih pulang ke Gagang 2.0 merupakan satu saluran program yang memberi peluang kepada **alumni-alumni UiTMCJ** kembali berbakti kepada universiti umumnya (**Lampiran 3.2.2**).

Kumpulan sasar di bawah inisiatif komuniti dilaksanakan melalui program SIG-SDG bagi memastikan kelestarian UiTMCJ sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak pemegang taruh dengan penglibatan perundingan dan khidmat komuniti yang memberi manfaat kepada **komuniti setempat, orang asli, golongan B40 dan juga anak yatim (Lampiran 3.2.3)**. Di peringkat antarabangsa, program bersama Hayrat Foundation, Turkiye juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan kepakaran UiTMCJ kepada komuniti global menerusi perkongsian dan pertukaran pengetahuan melalui pemindahan ilmu bagi pemasaran digital dan juga penyebaran penggunaan aplikasi online.

Di bawah tema kesukarelawan, Program “Standard Chartered Singapore Marathon 2022” merupakan satu bentuk pendekatan program kesukarelawan yang menarik minat **pelajar**. Program-program sukarelawan seperti CSR ihya Ramadhan, program bantu **mangsa banjir**, bahagian hal ehwal akademik laksana tanggungjawab sosial dan program jalinan kasih mahasiswa UiTMCJ adalah merupakan sebagai pendekatan dari segi khidmat sukarelawan yang melibatkan kumpulan sasaran seperti **pelajar, industri dan komuniti (Lampiran 3.2.4)**.

Usaha mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan adalah dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pengajian pendidikan tinggi malah sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak pemegang taruh. Hal ini jelas menunjukkan kecemerlangan UiTMCJ dalam mengemudi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan **merangkumi kelompok pelanggan yang holistik di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa**. Satu **inovasi** yang terhasil daripada tumpuan pelanggan adalah **penerbitan e-Adicita, i-PRESTIGE dan PARADIGMA secara atas talian**. e-Adicita merupakan satu pendekatan perkongsian oleh ketua projek, penasihat kelab-kelab keusahawanan pelajar, mentor, fasilitator, pensyarah pengiring yang juga kumpulan sasar dalam inisiatif komuniti. (**Lampiran 3.2.5**)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20231\\_UiTM CJ L 3.2.1 Perkongsian Petunjuk Prestasi Kepada Warga UiTM CJ.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20232\\_UiTM CJ L 3.2.2 Kumpulan Sasar Program Alumni UiTM CJ.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20233\\_UiTM CJ L 3.2.3 Kumpulan Sasar Program Komuniti UiTM CJ.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20234\\_UiTM CJ L 3.2.4 Kumpulan Sasar Program Kesukarelawanan UiTM CJ.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20235\\_UiTM CJ L 3.2.5 Perkongsian Pengetahuan Melalui Penerbitan Majalah UiTM CJ.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelanggan adalah keutamaan. Prinsip ini merupakan prinsip utama UiTMCJ agar pelanggan sedia ada mahupun pelanggan baru sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh UiTMCJ. Untuk memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa berada di tahap terbaik, **segala data pelanggan dikenalpasti, dikumpul, dan disimpan dengan efisien dan selamat oleh UiTMCJ. Prosedur dan kaedah pengumpulan data pelanggan diperincikan di dalam Lampiran 3.3.1** berpandukan tiga inisiatif utama Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Setiap projek daripada inisiatif yang dinyatakan tersebut menyimpan segala maklumat penting yang diberikan oleh pelanggan UiTMCJ di mana **maklumat ini digunakan sebagai kayu pengukur** untuk melihat dan **memantau pencapaian projek** yang telah dijalankan serta digunakan untuk membantu dalam proses penganalisaan bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang. Data berkaitan pelaksanaan projek-projek Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan **dikumpulkan secara berkala dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan juga salinan lembut (softcopy)** oleh ketua-ketua projek yang telah dilantik. Dokumen salinan keras (hardcopy) akan disimpan di dalam fail mengikut nama projek manakala dokumen salinan lembut (softcopy) pula akan **disimpan di dalam google drive**. Kedua-dua jenis dokumen ini diselenggara serta **dikemaskini oleh koordinator** yang telah dipertanggungjawabkan bagi unit Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni BPJI&A UiTMCJ serta HEP UiTMCJ bagi program yang melibatkan kesukarelawan (**Lampiran 3.3.2**).

Selain itu, data pelanggan juga dikumpulkan melalui **pembentangan oleh Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni BPJI&A UiTMCJ mengenai status semasa** untuk setiap projek di dalam mesyuarat berkala BPJI&A bagi membincangkan masalah yang dihadapi dan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran projek di peringkat yang seterusnya (**Lampiran 3.3.3**). **Timbalan Rektor BPJI&A UiTMCJ** juga telah mengambil inisiatif **menerbitkan laporan tahunan aktiviti BPJI&A di dalam Buku Laporan Tahunan Aktiviti BPJI&A yang diberi nama i-PRESTIGE bermula tahun 2019 hingga kini**. Disamping itu juga, UiTMCJ juga memberi galakan dan peluang kepada staf di seluruh sistem UiTM untuk menerbitkan artikel keusahawanan dalam majalah PARADIGMA. Dengan penerbitan i-PRESTIGE dan PARADIGMA, semua aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh unit unit di bawah BPJI&A UiTMCJ amnya dan unit Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni BPJI&A UiTMCJ khususnya, **dapat direkodkan dan dapat diakses oleh semua warga UiTM dan pelanggan UiTMCJ** dari dalam dan luar negara dengan lebih pantas, singkat, tepat, terkini, sistematik dan efektif **melalui laman sesawang UiTMCJ** dengan konsep paperless iaitu softcopy (**Lampiran 3.3.4**). UiTMCJ mengambil langkah proaktif dan produktif dalam melibatkan kumpulan sasaran dalam pelaksanaan bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Hal ini dapat dilihat melalui **inisiatif kerjasama MoU dan MoA** daripada pihak alumni yang mencetuskan sinergi kerjasama yang erat dalam memastikan kumpulan sasaran mendapat manfaat daripada program yang telah dijalankan. Selain itu juga, UiTMCJ mengambil **inisiatif melalui permohonan geran daripada industri dan juga parlimen** bagi menjalankan program-program yang memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran (**Lampiran 3.3.5**). Setiap geran yang diperoleh telah melalui peringkat semakan oleh penyumbang dana di mana staf UiTMCJ telah menyediakan kertas kerja yang lengkap dengan menyatakan secara terperinci penglibatan dan manfaat yang akan diterima oleh kumpulan sasaran yang dikenalpasti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20231\\_UiTMCJ L 3.3.1 Kaedah Data Dikumpul Disimpan dan Dikenalpasti.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20232\\_UiTMCJ L 3.3.2 Contoh Kertas Kerja & Surat Kelulusan Program Alumni Komuniti dan Kesukarelawan.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20233\\_UiTMCJ L 3.3.3 Contoh Data Pemantauan Program Alumni.](#)



[komuniti dan kesukarelawanan.pdf](#)

4. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20234\\_UiTMCJ L 3.3.4 Penerbitan Majalah UiTMCJ Secara Atas Talian.pdf](#)

5. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20235\\_UiTMCJ L 3.3.5 Kaedah Pengurusan Dalam Melibatkan Kumpulan Sasar.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCJ sentiasa memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dapat memberikan impak positif kepada semua kumpulan sasaran yang terlibat. **Perincian kebaikan dan ganjaran yang diperoleh kumpulan sasaran diterangkan dalam Lampiran 3.4.1.1.**

Program **Kolaborasi UiTMCJ bersama Asri Ahmad Academy (AAA)** dapat **mewujudkan hubungan perkhidmatan kegiatan-kegiatan perkhidmatan ilmiah** atau program-program latihan yang menjurus kepada aktiviti-aktiviti kerjasama di antara kedua-dua institusi khususnya mengenai pelaburan saham. AAA sentiasa menyumbang **dana kepada aktiviti UiTM dan menyumbangkan dana zakat** kepada asnaf UiTM. Pelajar mendapat **manfaat tajaan yuran dan kos sara hidup (Lampiran 3.4.1.2).**

Melalui Program Perintis Usahawan Muda, para peserta yang terdiri daripada alumni yang baru memulakan, ingin memulakan serta yang sudah memiliki perniagaan yang perlu bimbingan **diberi pendedahan melalui sesi ceramah dan juga 'coaching'.**

Komuniti dalam dan luar negara juga antara kumpulan sasaran yang telah mendapat faedah daripada kolaborasi komuniti, industri dan UiTMCJ yang telah dilaksanakan (**Lampiran 3.4.1.3**). Ia secara langsung dapat merapatkan hubungan pihak komuniti dan UiTMCJ. Sebagai contoh, **Lawatan Akademik di Hayrat Foundation, Turki** dapat mengukuhkan jalinan kedua-dua pihak dengan sesi lawatan secara langsung UiTM ke organisasi Hayrat, serta mendapatkan maklumbalas untuk mengukuhkan peranan kedua-dua pihak dalam aktiviti akademik dan penyebaran ilmu. Pelajar diberi pendedahan tentang organisasi di bawah Hayrat khususnya bahagian penerbitan dan pengkajian Hayrat Foundation. Dua kumpulan pelajar EMBA membentangkan kajian kes yang berfokus kepada **strategi perniagaan Hayrat Foundation** yang berkaitan dengan subjek Global Business Strategy.

Bagi memastikan setiap projek yang dirancang berjalan lancar, Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui **Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ sentiasa memantau kelancaran projek** melalui mesyuarat Ketua Bahagian yang telah menjalankan beberapa strategi pemantauan projek–projek yang dijalankan. Antara strategi yang dibuat adalah membuat **pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, menganalisis hasil dapatan audit, dan mengadakan sesi perkongsian** bersama warga UiTMCJ untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek–projek yang dijalankan (**Lampiran 3.4.1.4**). Hasil daripada mesyuarat ini, maklumbalas yang cadangan yang diterima daripada pelanggan dapat dikenalpasti dan dapat diselesaikan dengan baik. Setiap isu yang timbul dikaji dan diusulkan tindakan penambahbaikan. Antaranya, melalui khidmat kepakaran oleh staf UiTMCJ (**Lampiran 3.4.1.5**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 3.4.1.1 Kebaikan dan Ganjaran Diperolehi Kumpulan Sasar.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 3.4.1.2 Ganjaran Kepada Kumpulan Sasar Daripada Program Alumni.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 3.4.1.3 Ganjaran Kepada Kumpulan Sasar Program Komuniti.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 3.4.1.4 Minit Mesyuarat MKB bagi Kaji Semula Pengurusan Pencapaian Petunjuk Prestasi 2022.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 3.4.1.5 Penambahbaikan Melalui Penglibatan](#)



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan semua pelanggan mendapat kebaikan daripada projek yang dilaksanakan, UiTMCJ mengambil langkah proaktif dalam pengurusan risiko dengan **mengenalpasti kaedah pengurusan risiko** bagi setiap projek di bawah tiga inisiatif utama Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Untuk jaringan Alumni, antara risiko utama yang dikenalpasti ialah **penglibatan dan komitmen yang kurang oleh staf dan alumni** dalam projek-projek yang dilaksanakan. Contohnya, bagi Program Perintis Usahawan Muda, faktor risiko ini disebabkan oleh staf dan alumni tidak berminat dan juga kekangan masa untuk menyertai projek-projek yang dilaksanakan. UiTMCJ telah membuat pengurusan risiko, di mana **pihak penganjur program membincangkan topik yang bersesuaian dan terkini** dalam seminar. Staf UiTMCJ yang terlibat diberikan **surat lantikan** untuk tujuan penilaian 'MyATP' dan kenaikan pangkat. Risiko lain yang dikenal pasti adalah risiko kekurangan dana dalam projek alumni. UiTMCJ telah menguruskan risiko ini dengan menjalinkan kerjasama bersama industri melalui **perkongsian dana dan jalinan MoU dan MoA (Lampiran 3.4.2.1)**. Melalui kerjasama ini, dana yang diperolehi dapat digunakan untuk memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran yang terlibat.

Di bawah inisiatif komuniti, pelbagai program diadakan seperti Program Mahasiswa Berbudhi, Komuniti Sejahtera dan Program Ziarah Kasih Santuni Masyarakat di Parit Sulong. Namun, kebanyakan **pelajar kurang menyertai program dan tidak berminat** untuk terlibat dengan projek-projek keusahawanan akibat komitmen terhadap tugas lain. Oleh itu, pelajar perlu **mendapat maklumat awal agar pelajar dapat merancang waktu** bagi aktiviti pembelajaran dan aktiviti universiti dengan lebih efektif. Di samping itu juga, **isu kekurangan dana** bagi tujuan pelaksanaan program dapat diatasi melalui permohonan **dana daripada industri dan juga parlimen (Lampiran 3.4.2.2)**. Staf UiTMCJ **diberikan pelepasan bertugas** bagi menjalankan program-program yang dirancang (**Lampiran 3.4.2.3**).

**Risiko kekurangan dana** bagi program berbentuk sukarelawan diatasi melalui **tajaan dari pihak luar terutamanya dari pihak industri dan alumni**. Selain itu, risiko **staf dan pelajar tidak berminat** untuk terlibat dengan projek-projek kolaborasi yang dilaksanakan antara pihak universiti dan pihak komuniti. Antara kaedah pengurusan risiko bagi mengatasi isu penglibatan dan komitmen staf dan pelajar adalah dengan **memberikan ganjaran dan penghargaan** kepada peserta program komuniti dan sukarelawan ini. Jawatankuasa pelaksana projek boleh mengambil inisiatif dengan membuat hebahan dan promosi yang lebih intensif dan berkesan untuk menggalakkan penyertaan daripada staf dan pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 3.4.2.1 Permeteraian MoA dan MoU bagi Program .pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 3.4.2.2 Pemeteraian Dana Program .pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 3.4.2.3 Dokumen Pelepasan Bertugas Staf UiTMCJ.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Analisa akan dilakukan** daripada borang soal selidik yang diedarkan secara 'hardcopy' atau analisa keberkesanan program yang telah dijalankan pada masa sekarang kebanyakannya dikongsi secara digital melalui **imbasan 'QR Code'** kepada pelanggan. Ia diberi dan dikongsi kepada pelanggan selepas tamat program atau aktiviti sama ada berkaitan Alumni, Komuniti atau Kesukarelawanan di pelbagai peringkat jabatan di UiTMCJ. Di dalam borang soal selidik ini kebiasaannya mengandungi maklum balas pengetahuan sebelum dan selepas program, aktiviti atau projek yang dilaksanakan, platform yang digunakan semasa program, kesesuaian tempoh masa dan pengetahuan penceramah mengenai isu yang berkaitan tajuk yang disampaikan kepada peserta. Mekanisme-mekanisme yang telah dinyatakan di atas sedikit sebanyak dapat menangani aduan berbangkit dan cadangan penambahbaikan dari pelanggan pada setiap program, aktiviti atau projek yang telah dilaksanakan. **Setiap maklumbalas dan cadangan** yang diterima daripada pelanggan ini akan **diteliti, dianalisa, dibincangkan** di dalam **Mesyuarat Ketua Bahagian dan Mesyuarat Jaringan Negeri bersama pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ** bagi **kaji semula pengurusan** sekaligus menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambah baik program dan Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan oleh USTU (**Lampiran 3.4.3.1**). Bagi program komuniti antarabangsa, delegasi Delegasi UiTMCJ telah mengadakan lawatan ke Hayrat Foundation di Turkiye. Hasil dari lawatan tersebut, beberapa perancangan penambahbaikan telah diajukan oleh pihak Hayrat pada masa akan datang iaitu:

- i) Penerangan dan taklimat mengenai Hayrat dilakukan secara berfasa ketika di Malaysia sebelum bertolak.
- ii) Memastikan PIC yang tepat untuk segmen yang dikaji agar maklumat yang dikehendaki benar-benar dapat dicapai.
- iii) Mengadakan lawatan ke kilang percetakan Al-Quran dan kedai buku penerbitan Hayrat di Isparta, Turki.

Perancangan penambahbaikan ini akan di semak, di ambil maklum dan diteliti serta akan dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan bagi program seumpama pada masa akan datang. Maklum balas pelanggan seumpama inilah yang akan meningkatkan prestasi Pengurusan Kanan UiTMCJ.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_UiTMCJ L 3.4.3.1 Minit Mesyuarat MKB dan MJJN .pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, UiTMCJ sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas pelanggan ini secara holistik dan optimum. Perkara ini amat penting bagi melaksanakan segala penambahbaikan melalui hasil analisa yang diterima. Sebagai contoh program komuniti antarabangsa berkaitan Lawatan deligasi UiTM ke Hayrat Foundation di Turkiye, **beberapa inovasi berkaitan aplikasi telah diperkenalkan** seperti yang ditunjukkan di Rajah Sinergi bersama Hayrat Foundation telah berjaya membangunkan **aplikasi Quran Tawafuq, Aplikasi Awrad Nuriaah/ Zikir selepas solat, Aplikasi Zikir Jawshan Kabir dan Risalah Annur yang telah diterjemahkan dalam 17 bahasa** yang mana ianya memperkukuhkan rangkaian 4G bagi memperluaskan capaian aktiviti kepada masyarakat di **peringkat antarabangsa (Lampiran 3.5.1).**

Selain itu, di peringkat bidang tumpuan berkaitan Alumni sebagai contoh, hasil dari keberkesanan penambahbaikan, terhasillah **memorandum perjanjian (MoA) di antara UiTM Johor bersama Asri Ahmad Academy.** MoA telah ditandatangani ini adalah bagi membuktikan yang pihak UiTM Johor dan AAA amat serius dalam kerjasama yang dijalankan. Memorandum Perjanjian (MoA) dan kedua-dua belah pihak bersetuju dengan beberapa terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalam. Bagi membudayakan program di bawah jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, UiTMCJ mengambil inisiatif **menyebarkan informasi berkaitan program-program yang dijalankan melalui penerbitan laporan yang boleh diakses oleh seluruh kumpulan sasar di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa (Lampiran 3.5.2).**

Melalui integrasi pembudayaan yang holistik, **pelbagai strategi penambahbaikan** bagi bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan telah dihasilkan dan dijelaskan melalui tindakan-tindakan yang menzahirkan keberkesanan dan kecekapan UiTMCJ (**Lampiran 3.5.3, Lampiran 3.5.4 dan Lampiran 3.5.5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 3.5.1 Inovasi Aplikasi daripada Kerjasama Strategik Peringkat Antarabangsa.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 3.5.2 Penerbitan Majalah UiTMCJ Secara Atas Talian.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 3.5.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Alumni.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 3.5.4 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Komuniti.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 3.5.5 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Kesukarelawanan.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ sentiasa memastikan segala perancangan (**Plan**) dalam bidang Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dirancang secara teliti agar ianya selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Antara matlamat yang ingin dicapai dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan adalah untuk memanfaatkan perkongsian pintar dengan industri, masyarakat dan alumni dalam menyemai budaya alma mater. Semasa proses penetapan petunjuk prestasi, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan setiap pelaksanaan (**Do**) inisiatif strategik adalah berteraskan kemampuan warga kampus. Hal ini dibuktikan dengan perancangan setiap petunjuk prestasi Pelan Strategik UiTMCJ yang ditentukan, ianya mengambil kira jumlah penglibatan staf dan pelajar, kemudahan sedia ada bagi menjalankan projek dan dana yang diperlukan. Melalui objektif dan item ukuran ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ melantik ketua-ketua program yang berkeelayakan untuk merealisasikan program-program yang telah diatur. Pelantikan ketua program ini dinilai melalui kepakaran individu dalam melaksanakan dan menjayakan program, terutamanya dalam bidang Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Hasil daripada program-program yang telah dijalankan, pemantauan (**Check**) akan dilakukan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama pihak yang terlibat. Pemantauan dibuat melalui pembentangan status program yang dirancang dan telah tamat di dalam mesyuarat. Ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan membuat analisa bagi setiap program yang telah dianjurkan. Melalui analisa ini, tindakan pembetulan dan penambahbaikan (**Act**) dapat dikenalpasti dan dijalankan. Hal ini amat penting dalam setiap item pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan organisasi secara menyeluruh agar penambahbaikan dari segi kewangan, kecekapan dan kepakaran warga UiTMCJ dapat disempurnakan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam usaha membentuk suatu organisasi yang lebih mapan pada masa akan datang, suatu kayu ukur telah ditetapkan bagi melihat tanda aras bagi setiap pencapaian yang dijalankan oleh Jaringan Industri dan Keusahawanan. Pengukuran ini dapat dilihat melalui pemantauan **pencapaian Strategic Action Plan (SAP) UiTMCJ (Lampiran 4.2.1). Perkongsian pengetahuan** dari pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan dijalankan melalui **sesi Amanat Bulanan Rektor, taklimat timbalan-timbalan Rektor, sesi libat urus timbalan rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni), perjumpaan, dan mesyuarat bersama warga UiTMCJ (Lampiran 4.2.2).**

Terdapat **12 Indikator Prestasi atau Performance Indicator (PI)** yang telah mencapai sasaran difokuskan oleh UiTMCJ (**Lampiran 4.2.3**) bagi memastikan setiap matlamat mencapai sasarannya dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Bagi PI020, SAP bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan mensasarkan 120 aktiviti rasmi bersama rakan kerjasama (Official Partnership Activities) dan hasil pencapaian melebihi daripada sasaran iaitu 922 aktiviti (768%). Manakala bagi PI072 dan PI073, bidang jaringan industri mensasarkan 2 kerjasama MoU, setiap satunya dengan syarikat antarabangsa (MoU with international partner) dan syarikat tempatan (MoU with local partner), dan kedua-dua sasaran ini tercapai, hasil kerjasama dengan CMO Media Lab Singapore dan YAPEIM.

Selain itu, sebanyak 4 aktiviti di bawah MoA atau MoU dengan Industri Antarabangsa (PI074) telah disasarkan, dan sasaran ini tercapai 100% atas kerjasama dengan CMO Media Lab (Singapura) dan Hayrat Foundation (Turki). Bagi PI075, bidang industri mensasarkan 25 Program Tanggungjawab Sosial Universiti (University Social Responsibility Programmes), tetapi hanya 10 yang dapat dicapai pada tahun 2022. Bagi PI076 iaitu Knowledge Transfer Programmes (KTP), hanya satu sahaja yang disasarkan, tetapi mencapai 4, iaitu 400% melebihi sasaran.

P1077 memfokuskan kepada jumlah wang yang diterima dari pihak luar untuk program USR dan KTP manakala PI078 memfokuskan kepada wang yang telah dibelanjakan dari dana sendiri untuk program serupa. Sebanyak RM33,000 telah disasarkan melalui dana luar dan hasilnya berjaya mengumpul 5 kali ganda lebih daripada apa yang disasarkan, iaitu sebanyak RM186,306 berjaya dikumpul. Manakala bagi PI078, bajet sebanyak RM3,300 telah ditetapkan bagi perbelanjaan projek, tetapi wang yang dibelanjakan 5 kali ganda daripada jangkauan, iaitu sebanyak RM 16,309. Bagi PI079, bidang jaringan industri mensasarkan 2 projek melibatkan komuniti yang mendapat manfaat daripada projek pemindahan ilmu/teknologi (number of communities receiving/benefiting from the knowledge/technology diffusion projects). Matlamat ini mencapai sasaran melalui kerjasama dengan penduduk Kampung Perigi Aceh dan Kampung Kong Kong Laut.

Bukti kepada pengukuran bidang ini dapat dilihat melalui jumlah MoU dan MoA serta bilangan aktiviti komuniti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 (**Lampiran 4.2.4**). Kesemua butiran ini telah dikongsikan kepada warga UiTMCJ melalui penerbitan pelaporan di platform atas talian (**Lampiran 4.2.5**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.2.1 Pemantauan Berkala Pencapaian PI oleh PSTU.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.2.2 Perkongsian Petunjuk Prestasi Kepada Warga UiTMCJ.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.2.3 12 Petunjuk Prestasi Bidang Tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawanan.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 4.2.4 Senarai MoA MoU serta Senarai Aktiviti](#)



[Komuniti.pdf](#)

5. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20235\\_UiTM CJ\\_L 4.2.5 Perkongsian Pengetahuan Melalui Penerbitan Majalah UiTM CJ.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data-data bagi program dalam bidang fokus Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan **dikumpulkan dan disimpan bagi tujuan dokumentasi dan penambahbaikan (Lampiran 4.3.1)**. Dokumen seperti kertas kerja, laporan, surat lantikan serta senarai tugas setiap ahli amat penting dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang dikumpulkan **(Lampiran 4.3.2)**. Setelah projek yang dirancang selesai, borang maklumbalas diberikan kepada setiap peserta yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas projek yang dijalankan. Data maklumbalas ini amat diperlukan dalam menambah baik proses kerja dan bagi meningkatkan prestasi kerja sedia ada. Bagi mengukur pencapaian semasa, satu item ukuran sistematik telah digunakan bagi mengumpul setiap data yang diperlukan. Data telah **dikumpulkan secara berkala di dalam mesyuarat ketua bahagian (4 kali setahun), pemantauan oleh Penyelaras USTU (4 kali setahun), mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (2 kali setahun)** serta melalui setiap kertas kerja dan laporan aktiviti yang dijalankan. Senarai dalam **Lampiran 4.3.3** menunjukkan secara keseluruhan item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan analisa bagi pengukuran prestasi UiTMCJ di bawah bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan

Bagi memastikan setiap petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dapat dicapai, kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian adalah melalui **penubuhan beberapa unit kecil** oleh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian di fakulti yang menggerakkan projek yang dirancang dalam mencapai petunjuk prestasi. Hal ini dapat dilihat daripada penubuhan Special Interest Group (SIG) dari setiap fakulti yang ditugaskan untuk menjalankan projek-projek bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Data-data dari penubuhan dan pelaksanaan projek dikumpul dan digunakan dalam mengukur pencapaian petunjuk prestasi **(Lampiran 4.3.4)**. Bagi setiap projek yang dirancang, unit-unit kecil yang digerakkan tidak hanya melihat kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan, tetapi juga mengambil kira kepentingan dan kebaikan yang akan setiap entiti yang terlibat akan diterima selepas projek dijalankan termasuklah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh hal demikian, bagi membuat penilaian setiap projek yang dilaksanakan, dimulakan dengan mesyuarat bagi membincangkan objektif dan hala tuju program yang dilaksanakan.

**Penyebaran maklumat yang efektif dan berkesan** kepada pihak-pihak berkepentingan, pelbagai medium komunikasi telah digunakan dan disebarluas oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui **sesi Amanat Bulanan Rektor, taklimat timbalan-timbalan Rektor, sesi libat urus timbalan rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni), perjumpaan, dan mesyuarat bersama warga UiTMCJ. (Lampiran 4.3.5)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.3.1 Kaedah Data Dikumpul Disimpan dan Dikenalpasti.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.3.2 Contoh Kertas Kerja & Surat Kelulusan Program Alumni Komuniti dan Kesukarelawanan.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.3.3 Kekerapan Data Dikumpul Dan Dianalisa.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 4.3.4 Penubuhan Kumpulan SIG.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 4.3.5 Perkongsian Petunjuk Prestasi Kepada Warga UiTMCJ.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCJ telah merangka **pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas Petunjuk Prestasi (PI)** yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai. **Pemantauan ini dilakukan oleh Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ** secara konsisten, progresif dan berkala melalui carta alir PDCA (Plan, Do, Check, Action). **(Lampiran 4.4.1.1).**

Terdapat beberapa langkah yang telah dirangka bagi memantau projek yang dijalankan di UiTMCJ. Antara langkah yang dijalankan adalah **pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi daripada penyelaras setiap unit pada setiap hujung bulan**. Kemudian, **penyelaras USTU akan mengemaskini** semua pencapaian prestasi bulanan bagi setiap dan hebahkan pencapaian petunjuk prestasi dimaklumkan kepada warga kampus UiTMCJ melalui email. **(Lampiran 4.4.1.2).**

**Sistem SMART dan PRIME** digunakan dalam proses pemantauan projek yang sedang dijalankan. Kaedah pemantauan melalui sistem ini akan menjadi lebih sistematik dan efektif di mana koordinator sistem dapat memantau kesemua pelaksanaan projek yang berdaftar dengan lebih menyeluruh. Selain itu, tempoh masa pelaksanaan dapat dipantau dengan mudah bagi memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan serta memudahkan proses penambahbaikan. **(Lampiran 4.4.1.3).**

Selain daripada itu, **setiap unit perlulah mengemukakan plan tindakan strategik (SAP)** bagi memastikan petunjuk prestasi UiTMCJ tercapai dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. **(Lampiran 4.4.1.4).** Bagi program yang melibatkan alumni, komuniti dan kesukarelawan, unit BPJIA (ICAN) dipertanggungjawab dalam mengurus dan memantau projek-projek yang berkaitan. Koordinator BPJIA (ICAN) memantau status terkini projek yang dijalankan secara berkala melalui sistem PRIME dan pelaporan analisa dibuat bagi setiap suku tahunan melalui mesyuarat jawatankuasa jaringan negeri dan mesyuarat ketua bahagian. Setiap pencapaian prestasi akan dibentangkan pada mesyuarat tersebut.

Hasil pemantauan dari pengukuran data telah digunakan oleh UiTMCJ bagi **kaji semula pengurusan melalui mesyuarat ketua bahagian yang dibentangkan oleh Ketua Perancangan Strategik**. Informasi ini akan menjadi penanda aras kepada inisiatif lain dan membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang itu tidak menepati sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil segera. **(Lampiran 4.4.1.5)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.4.1.1 PDCA UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.4.1.2 Pemantauan Berkala Pencapaian PI oleh PSTU.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.4.1.3 Pemantauan Sistem SMART PRIME.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 4.4.1.4 Strategik Action Plan Progress.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 4.4.1.5 Pemantauan Berkala senarai projek UiTMCJ \(ICAN\).pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengukuran Analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti melalui **Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ** yang menjalankan beberapa strategi pemantauan bagi projek–projek yang dijalankan (**Lampiran 4.4.2.1**). Antara strategi yang dibuat adalah membuat **pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, membuat perbincangan secara berkala dengan pengurus projek dan mengadakan sesi perkongsian** bersama warga untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek–projek yang dijalankan.

Di samping itu juga, **mesyuarat Ketua Bahagian dan mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTMCJ** juga diadakan dalam menyelia proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (**Lampiran 4.4.2.2**). Proses kenalpasti risiko melibatkan analisis data melalui soal selidik, pengamatan sekitar, temuramah bersama masyarakat serta semakan dokumen. **Platform aduan secara lisan, borang aduan dan maklumbalas secara bercetak dan elektronik turut digunakan.** Maklumbalas program dikenalpasti serta dianalisa, manakala cadangan penambahbaikan turut dimajukan. Proses ini dilaksanakan oleh koordinator-koordinator yang terlibat dan dibantu oleh penyelaras yang dilantik telah memulakan langkah pertamanya dalam menguruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Setelah itu, projek-projek seperti projek tumpuan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan akan disusun dan dilaksanakan. Pemantauan setiap laporan dan maklumbalas turut dianalisa malah akan dibincangkan bersama Timbalan Rektor BPJIA dan koordinator-koordinator yang terlibat. Segala permasalahan dikenalpasti dan diperincikan bagi memastikan projek yang dijalan dapat dilaksanakan dengan lancar (**Lampiran 4.4.2.3**).

Melalui strategi dan pelan yang telah dibuat, data yang dikumpul dapat dianalisa dan seterusnya digunakan untuk merancang penambahbaikan prestasi setiap projek. Dengan mengumpul data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, jawatankuasa dapat melihat kemajuan untuk sesuatu projek dan mengenalpasti sama ada projek berjalan mengikut perancangan ataupun tidak. Selain itu, dengan membuat mesyuarat secara berkala, sebarang masalah yang timbul dalam sesuatu projek dapat dikenalpasti dan penyelesaian dapat dicari dengan segera. Dengan mengadakan sesi perkongsian bersama warga UiTMCJ, warga dapat diberi pendedahan tentang projek yang dijalankan, dan ini juga mampu untuk menarik minat warga untuk melibatkan diri dalam projek–projek tersebut.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.4.2.1\\_Pemantauan Berkala Pencapaian PI oleh PSTU.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.4.2.2 Minit Mesyuarat MKB dan MJJN .pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.4.2.3 Pemantauan Berkala senarai projek UiTMCJ \(ICAN\).pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan dapat dijalankan dengan lancar, UiTMCJ telah menghasilkan **satu pelan untuk mengatasi risiko–risiko** yang telah dikenalpasti. Pelan tindakan ini terhasil daripada **perbincangan yang melibatkan koordinator-koordinator dan penyelarar-penyelarar** yang terlibat serta Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam membentangkan pencapaian PI yang telah dicapai dan telah mengambil langkah untuk membuat penambahbaikan sekiranya perlu. Segala risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan projek sentiasa dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur.

Hasil tindakan penambahbaikan dikaji dan dianalisa dalam bentuk laporan yang diteliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Bagi memastikan setiap analisa yang dibuat untuk setiap projek diambil peduli oleh warga UiTMCJ, Pengurusan Kanan UiTMCJ (BPJIA terutamanya) mengadakan sesi perkongsian pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh warga kampus UiTMCJ dengan menerangkan beberapa kejayaan pencapaian dan faktor ketidakcapaian sesuatu petunjuk prestasi . Di samping itu juga, pada sesi perkongsian ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi membolehkan ketidakcapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai.

UiTMCJ sentiasa berusaha dalam meningkatkan dan menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang **Jaringan Alumni (Lampiran 4.4.3.1), komuniti (Lampiran 4.4.3.2), dan kesukarelawanan (Lampiran 4.4.3.3). Pemantauan berkala** dilakukan oleh **Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ** kepada setiap penunjuk prestasi yang telah dirangka bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur.

**Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti** bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik (**Lampiran 4.4.3.4**). Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan (**Lampiran 4.4.3.5**). Di samping itu juga, semua program dan pencapaian ini turut dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui hebahan lisan, media elektronik serta majalah dalaman UiTMCJ.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.4.3.1 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Alumni.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.4.3.2 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Komuniti.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.4.3.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Kesukarelawananan.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 4.4.3.4 Aktiviti komuniti dan alumni.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 4.4.3.5 Mou dengan badan kerajaan dan komuniti.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan secara berterusan adalah penting bagi memastikan program-program yang telah dirancang dapat memberi impak yang positif, seterusnya meningkatkan aksesibiliti dari segi Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah mengagihkan petunjuk-petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan yang dipilih kepada ketua bahagian, unit dan juga fakulti mengikut kemampuan sumber yang ada. **Pembudayaan petunjuk prestasi dalam bidang tumpuan ini dapat dilihat dengan jelas melalui pengagihan petunjuk prestasi kepada setiap bahagian, unit dan juga fakulti.**

Berpandukan dapatan hasil serta analisa bagi setiap program yang telah dijalankan, cadangan-cadangan yang diterima telah dibincangkan dan langkah-langkah penambahbaikan juga telah diambil bagi memastikan program berjalan dengan lebih baik pada masa akan datang. Hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dapat dilihat melalui laporan prestasi yang dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTMCJ dan juga mesyuarat Ketua Bahagian (**Lampiran 4.5.1**).

Bagi penambakan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, satu inovasi telah dilaksanakan melalui penubuhan pembentukan **Kumpulan 'WhatsApp Strategik UiTMCJ'** yang terdiri daripada Rektor, pengarah program, pengurus projek dan penyelaras strategik dan transformasi universiti. Medium ini membolehkan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dikongsi secara terus dan cepat (**Lampiran 4.5.2**).

Oleh itu, **inovasi yang terhasil** daripada penganalisaan telah mencetuskan **inovasi gerak kerja melalui 'Rector's Special Project' (RSP) yang dikongsi kepada seluruh warga di dalam Mesyuarat Akademik UiTMCJ**. RSP menjadi pemandu dalam membentuk tindakan serta membudayakan gerak kerja berimpak dan berinovasi dalam bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Hasil penganalisaan risiko, pelbagai strategi penambahbaikan bagi bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan telah dihasilkan dan dijelaskan dalam **Lampiran 4.5.3, Lampiran 4.5.4 dan Lampiran 4.5.5**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 4.5.1 Minit Mesyuarat MKB dan MJJN\\_.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 4.5.2 Inovasi Penubuhan Group Whatsapp bagi Pemantauan Pencapaian Data PI\\_.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 4.5.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Alumni.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 4.5.4 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Komuniti.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 4.5.5 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Kesukarelawanan.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan sumber manusia UiTMCJ digarapkan ke arah menggunakan pembudayaan PDCA dalam mengemudi bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan dalam pencapaian matlamat university selaku 'Globally Renowned University', Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama Ketua Bahagian, Ketua Unit dan Ketua Pusat Pengajian berganding bahu membuat perancangan (**Plan**), dalam mengenalpasti 66 petunjuk prestasi utama (KPI) yang mana 12 KPI adalah bagi bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) diberi amanah menyelaras serta memantau pencapaian petunjuk prestasi, manakala Unit Pengurusan Kualiti (UPQ) pula mengurus proses kualiti melalui Audit Kualiti dan Amalan Pengurusan Terbaik berpandukan kepada dasar dan objektif kualiti yang ditetapkan. Perancangan yang sistematik dijadikan sebagai panduan kepada staf supaya lebih efisien, inovatif, dan proaktif.

Pada peringkat Pelaksanaan (**Do**), Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJIA), disokong oleh semua bahagian dalam UiTMCJ, menggerakkan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Staf-staf berkecualan pula dilantik sebagai penasihat, ketua projek, penceramah dan perunding. Bagi meningkatkan kepakaran staf dalam melaksanakan tugas, UiTMCJ menekankan semua staf perlu mencapai 42 jam latihan setahun. Bahagian Pentadbiran merangka dan menyelia latihan kepada staf. Kepakaran staf telah diiktiraf oleh pihak luar melalui jempunan kolaborasi projek-projek berimpak tinggi dan juga pemerteraian perjanjian MOU dan MOA. Penghargaan telah diberikan kepada staf yang menjayakan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan dan kejayaan ini turut dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui hebahan lisan, media elektronik serta majalah dalaman UiTMCJ.

Pekeliling, Dasar, Objektif, Panduan, dan Prosedur Operasi Seragam menjadi rujukan dalam mengatur tata kerja. Dalam mencapai sasaran objektif, pengurusan risiko yang efektif diselia oleh Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTMCJ, meliputi proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (**Check**). Mesyuarat, perbincangan, latihan, platform aduan dan maklumbalas, audit, 'post-mortem' dan pembaikan berterusan menjadi medan pengurusan risiko dan pemantauan. Kemudahan infostruktur dan infrastruktur disediakan bagi menjamin keselesaan bekerja dan meningkatkan kepuasan hati warga kampus. Di samping itu, hubungan mesra yang terjalin dari program-program alumni, komuniti dan kesukarelawanan menyemarakkan hubungan sesama warga kampus. Hasilnya, Taburan Indeks Kegembiraan ('Happiness Index') staf UiTMCJ memperoleh sebanyak 75% bagi kampus Segamat dan 72% bagi kampus Pasir Gudang, meningkat 2% dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Setelah pemantauan dilakukan, Rektor, selaku pengemudi UiTMCJ, mewujudkan integrasi serta peluang penambahbaikan (**Act**), dengan mencetus pembudayaan dan inovasi gerak kerja melalui 'Rector's Special Project' (RSP). Jalinan 'networking' bersama alumni UiTMCJ juga menjadi agenda pembudayaan kerja, antaranya, kerjasama antara UiTMCJ dan Asri Ahmad Academy (AAA) yang menghasilkan Pusat Simulasi Saham UiTMCJ, bantuan kewangan dan perkongsian kepakaran. Amalan hijau, seperti Projek Greenation@UiTM, diserlahkan dengan projek tanaman cili fertigasi, nenas MD2 dan lebah kelulut, yang menghasilkan sumber kewangan kepada UiTMCJ selaku kampus Simfoni Alam. Di samping itu, penerbitan majalah-majalah elektronik UiTMC, menjadi medan pelaporan dalam menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, serta sebagai sumber rujukan kepada pihak luar untuk mengakses kepakaran staf UiTMCJ. Pembudayaan ucapan tahniah ke atas pencapaian staf juga meningkatkan persekitaran kerja yang harmoni.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam gerakan UiTM ke arah 'Globally Renowned University', kekuatan staf seramai 515 orang dari UiTMCJ kampus Segamat dan seramai 365 dari kampus Pasir Gudang, dioptimalkan dalam setiap aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan. UiTMCJ menggunakan **kaedah kepimpinan transformasional** dalam pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang yang dipilih. Pendekatan pengurusan sumber manusia UiTMCJ dalam projek bidang tumpuan dilaksanakan melalui beberapa peringkat:

- **Pembuat dasar dan polisi:** Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- **Pemberi kelulusan:** Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- **Perancang dan pelaksana:** Staf terlibat sebagai ketua projek, koordinator, ahli jawatankuasa, penasihat, penyelaras, panel, mentor, pegawai pengiring dan fasilitator.
- **Pemantau:** Staf terlibat sebagai auditor dalaman, koordinator, ketua projek dan ahli jawatankuasa yang dilantik.

Perancangan yang sistematik ditekankan melalui penganjuran program, perkongsian pengetahuan serta latihan kepada staf menjadikan mereka lebih efisien, inovatif, dan proaktif, serta memberi peluang meningkatkan kemahiran dan pengembangan kerjaya. Melalui **struktur organisasi (Lampiran 5.2.1)** yang cemerlang, Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama seluruh warga UiTMCJ membuat perancangan, dalam mengenalpasti petunjuk prestasi utama demi mencapai RMK-12 (2021-2025), agenda SDG 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 5.2.2**). UiTMCJ mengambil pendekatan secara holistik dengan mensasarkan sebanyak 66 PI bagi tahun 2022 (**Lampiran 5.2.3**). **USTU** juga diberi amanah memformulasikan halatuju strategik yang selari dengan UiTM Induk dan memantau keberkesanan bidang tumpuan Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. **Unit Pengurusan Kualiti (UPQ)** pula mengurus proses kualiti melalui Audit Kualiti dan Amalan Pengurusan Terbaik, bagi memastikan penambahbaikan berterusan berpandukan kepada Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti yang ditetapkan.

**Staf-staf berkecemerlang** dari pelbagai bidang dilantik sebagai **penasihat, ketua projek, penceramah dan perunding**, yang dibantu oleh ahli jawatankuasa dari pelbagai disiplin. Perundingan, inovasi, penyelidikan, penerbitan, serta penerokaan bidang-bidang "niche" di dalam bidang tumpuan direalisasi melalui projek-projek dengan objektif, perincian tugas, jangka masa pelaksanaan dan perancangan kewangan yang jelas (**Lampiran 5.2.4**).

**Perkongsian pengetahuan** dari pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan seperti, **program jalinan 'networking'** bersama alumni UiTMCJ juga menjadi agenda pembudayaan kerja. Antaranya, kerjasama antara UiTMCJ dan Asri Ahmad Academy (AAA) yang menghasilkan Pusat Simulasi Saham UiTMCJ, bantuan kewangan dan perkongsian kepakaran. Amalan hijau, seperti Projek Greenation@UiTM, diserlahkan dengan projek tanaman cili fertigasi, nenas MD2 dan lebah kelulut, yang menghasilkan sumber kewangan kepada UiTMCJ selaku kampus Simfoni Alam.

Penglibatan staf dalam bidang tumpuan juga turut diambil kira dalam **penilaian prestasi tahunan**. Sebagai pengiktirafan kepada usaha penglibatan staf dalam mengharumkan nama UiTMCJ, Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTMCJ telah dianjurkan pada 19 Disember 2022. **Penghargaan** diberikan kepada individu, kumpulan dan projek cemerlang yang memberi impak tinggi kepada penyampaian PI UiTMCJ (**Lampiran 5.2.5**). Selain majlis rasmi, kejayaan staf dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui beberapa kaedah seperti:

- **hebahan lisan:** mesyuarat, Amanat Rektor, webinar, dan taklimat.
- **hebahan melalui media elektronik UiTMCJ:** laman web, Facebook, Instagram, Youtube,



Twitter dan e-mail.

- **pelaporan di dalam percetakan:** majalah e-Adicita, i-Prestige, Paradigma, Buletin MASMED dan e-Dinamik.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20231\\_UiTM CJ\\_L 5.2.1\\_Carta Organisasi UiTM CJ\\_Jawatankuasa Eksekutif Negeri \(JKEN\) 2022.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20232\\_UiTM CJ\\_L 5.2.2\\_Garis Panduan\\_Dasar Kualiti.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20233\\_UiTM CJ\\_L 5.2.3\\_Sasaran PI 2022 UiTM CJ - MKB April 2022 .pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20234\\_UiTM CJ\\_L 5.2.4\\_Projek-Projek Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan oleh Bahagian-Bahagian UiTM CJ.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20235\\_UiTM CJ\\_L 5.2.5\\_Pengiktirafan kepada Staf Terlibat dalam Bidang Tumpuan.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Universiti menyumbang kepada masyarakat dan industri berdasarkan kekuatan dan kepakaran dalam bidang tertentu. Kampus Segamat merupakan kampus tunjang dalam pengurusan perniagaan dan keusahawanan, di samping bidang-bidang sains sosial yang lain. Manakala kampus Pasir Gudang tertumpu kepada disiplin kejuruteraan, sains dan teknologi. Sumbangan UiTMCJ kepada bidang Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan direalisasikan melalui beberapa cara. Antaranya:

- **menjalin kerjasama dengan industri** dalam bentuk perundingan, perkongsian teknologi, dan kolaborasi melalui ikatan MOU dan MOA, serta membekalkan industri dengan tenaga kerja yang berkualiti tinggi.
- **menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat** dengan aktiviti jualan, melahirkan usahawan muda melalui latihan keusahawanan dan perkongsian kemahiran "niche".
- **melunaskan tanggungjawab sosial melalui projek-projek khidmat masyarakat, kesukarelawanan** serta kempen kesedaran mengenai isu-isu pendidikan dan alam sekitar dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat.

Didukung oleh kekuatan staf seramai seramai 515 orang dari UiTMCJ kampus Segamat, dengan pemegang PhD sebanyak 64 orang, dan seramai 365 dari kampus Pasir Gudang dengan pemegang PhD sebanyak 58 orang, UiTMCJ menggembungkan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya untuk menggalas bidang Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, yang dizahirkan melalui **geran penyelidikan, MOU dan MOA, perundingan, khidmat komuniti, penerbitan dan inovasi, sehingga menjana pendapatan sebanyak RM1.88 juta (Lampiran 5.3.1)**. Inventori pengalaman dan kemahiran staf dinilai dari segi pengetahuan **melalui kelayakan akademik, seperti Ijazah Doktor Falsafah, sarjana, serta pensijilan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengumpulan data MyRA** menilai kapasiti staf UiTMCJ dari sudut keupayaan khidmat, perundingan, inovasi dan penyelidikan kepada komuniti, masyarakat serta industri. Di samping itu, bagi meningkatkan kepakaran, staf juga ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pengoptimuman kepakaran staf juga ditekankan di mana semua **staf perlu mencapai sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun**. Bahagian Pentadbiran UiTMCJ, melalui sistem HR2U, merangka dan menyelia latihan kepada staf (**Lampiran 5.3.2**). Di samping itu, bahagian-bahagian lain dan fakulti turut terlibat sebagai penganjur program dan menyumbang dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kampus. Staf turut digalakkan meningkatkan kepakaran mereka dengan mengikuti program-program 'upskilling'.

**Staf berpengalaman dilantik** untuk mengetuai projek-projek tumpuan **berdasarkan kelayakan akademik, gred jawatan, dan pengalaman industri**, demi mencapai petunjuk prestasi UiTMCJ. Kepakaran staf dioptimumkan dengan pelantikan sebagai penyelaras, penasihat program, panel, penceramah, mentor, dan pensyarah pengiring (**Lampiran 5.3.3**). Kepakaran staf telah diiktiraf oleh pihak luar melalui jemputan kolaborasi projek-projek berimpak tinggi dan juga pemeteraian perjanjian MOU dan MOA. Ini membuktikan pengetahuan sumber manusia dalam bidang alumni, komuniti dan keusahawanan ini dapat disebar luas dalam dan luar negara. Hasil pengoptimuman kepakaran dimanifestasi melalui pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi, antaranya projek latihan keusahawanan SIG UiTMCJ dengan kerjasama komuniti di Daerah Tampin dan Hayrat Foundation, Turkiye (**Lampiran 5.3.4**).

Pengurusan Kanan UiTMCJ turut menyediakan **sokongan kewangan untuk staf** yang terlibat di dalam bidang tumpuan alumni, komuniti dan keusahawanan. Strategi pelaksanaan bidang tumpuan dibuat melalui **penerbitan artikel akademik, perundingan, pengendalian program, persidangan serta pertandingan inovasi**. Antara sokongan kewangan dari Pengurusan Kanan UiTMCJ adalah melalui **Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA)**, dengan

bayaran maksimum sebanyak RM1,000 setiap artikel bagi penerbitan berindeks WOS/Scopus, dan bayaran sebanyak RM500 bagi penerbitan berindeks ERA/MyCITE. Bantuan ini menggalakkan penerbitan dalam jurnal berwasit dan meningkatkan impak dari segi sitasi dan ranking UiTM (**Lampiran 5.3.5**).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20231\\_UiTM\\_CJ\\_L 5.3.1\\_Pencapaian Perundingan, Komuniti, Geran, MOA, Inovasi, Pendapatan.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20232\\_UiTM\\_CJ\\_L 5.3.2\\_Bilangan Staf\\_Latihan Kepada Staf.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20233\\_UiTM\\_CJ\\_L 5.3.3\\_Lantikan sebagai Perunding\\_Pengurus Projek Bidang Tumpuan.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20234\\_UiTM\\_CJ\\_L 5.3.4\\_Projek SIGSDG - UiTM\\_CJ dan Majlis Daerah Tampin.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20235\\_UiTM\\_CJ\\_L 5.3.5\\_Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel \(PYPA\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepuasan diri staf dikecapi apabila pelan, objektif dan PI yang dirancang dapat dicapai dengan cemerlang. Kemampuan tenaga kerja UiTMCJ untuk bekerjasama secara berkumpulan menghasilkan sinergi gerak kerja bagi menyempurnakan tugas yang diamanahkan.

**Pencapaian sasaran menimbulkan perasaan gembira serta semangat** untuk mengembangkan potensi diri dan pencapaian profesionalisma, selari dengan visi dan misi UiTM (**Lampiran 5.4.1.1**). Pencapaian PI dipantau dan dilaporkan secara berkala agar sasaran dapat dicapai mengikut perancangan masa dan kewangan yang ditetapkan. UiTMCJ berjaya mencapai sasaran 84.84% PI yang ditetapkan. 56 PI berjaya mencapai 100% dari 66 sasaran PI. Di samping itu, UiTMCJ memperolehi skor i-UiTM sebanyak 6 bintang, dengan markah sebanyak 87%. Ini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 5.4.1.2**).

Rasa bangga atas penghargaan dari pengurusan atasan, rekan kerja, dan warga UiTMCJ memberi kepuasan dan perasaan validasi atas usaha yang dilakukan. Ini seterusnya memotivasi staf untuk terus meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang di masa hadapan. Taburan Indeks Kegembiraan ('Happiness Index') staf UiTMCJ, mengikut model Permai, memperolehi sebanyak 75% bagi kampus Segamat dan 72% bagi kampus Pasir Gudang bagi tahun 2021. Secara keseluruhan, indeks kegembiraan UiTMCJ setara dengan UiTM cawangan Perlis, Melaka dan Selangor, dan meningkat 2% dibandingkan dengan tahun sebelumnya (**Lampiran 5.4.1.3**).

Pengurusan Kanan UiTMCJ **menyediakan kemudahan infostruktur dan infrastruktur** bagi menjamin keselesaan bekerja dan meningkatkan kepuasan hati warga kampus di dalam menjalankan tugas. Berdasarkan Taburan Indeks Kegembiraan, 80% staf UiTMCJ menunjukkan rasa puas hati bekerja di kampus. Kemudahan fizikal, seperti kelas, dewan syarahan, kemudahan sukan, makmal dan perisian disediakan secukupnya untuk kemudahan pembelajaran dan rekreasi warga kampus (**Lampiran 5.4.1.4**). Sokongan kewangan serta lain-lain bantuan turut diluluskan agar projek-projek bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan dapat digerakkan dengan sempurna (**Lampiran 5.4.1.5**). Medium **mesyuarat menjadi platform perbincangan** untuk menambah baik dan menyelesaikan masalah berbangkit. Di samping **platform aduan secara lisan, borang aduan maklumbalas pelanggan dan medium elektronik seperti e-aduan dan e-Maklum, turut digunakan**. Aduan direkodkan dan tindakan segera diambil. **Analisa aduan hasil dari pemantauan dilaporkan di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan (MKSP) UiTMCJ** untuk penambahbaikan secara menyeluruh (**Lampiran 5.4.2.5**). Ini dapat dilihat daripada laporan keberkesanan tindakan keputusan MKSP.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 5.4.1.1\\_Pencapaian PI UiTM 2022.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 5.4.1.2\\_Pemantauan Pencapaian PI UiTMCJ - MKB Julai 2022.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 5.4.1.3\\_Happiness Index UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 5.4.1.4\\_Senarai Kemudahan di UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 5.4.1.5\\_Sokongan Kewangan untuk Projek Bidang Tumpuan.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sebagai sebuah organisasi, UiTMCJ terdedah kepada pelbagai ancaman yang boleh menyebabkan kegagalan untuk mencapai visi menjadi universiti unggul. Risiko merujuk kepada terjadinya peristiwa yang memiliki impak negatif terhadap pencapaian objektif, seperti risiko kepada strategi, operasi, kewangan dan projek. Risiko terbit dari 'gangguan' dari pelbagai sumber dalaman dan luaran, termasuk kelemahan perancangan, ketiadaan sokongan pengurusan, masalah teknikal dan komunikasi, kekangan masa, kekurangan sumber serta faktor-faktor lain (**Lampiran 5.4.2.1**).

Untuk mengatasi risiko dan menghindari impak negatif, adalah penting untuk melakukan pengurusan risiko yang efektif di semua peringkat UiTMCJ untuk melindungi aset, pelaburan dan sumber universiti. **Strategi menghadapi risiko melibatkan pengoperasian pengurusan risiko oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ**, termasuk kenal pasti risiko, daftar risiko di e-RMS, ambil tindakan mitigasi risiko dan pemantauan (**Lampiran 5.4.2.2**). Bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, **Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTMCJ, menyelia proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala**. Proses kenalpasti risiko melibatkan analisis data melalui soal selidik, pengamatan sekitar, temuramah bersama masyarakat serta semakan dokumen. **Platform aduan secara lisan, borang aduan dan maklumbalas secara bercetak dan elektronik** turut digunakan. Maklumbalas staf dikenalpasti serta dianalisa, manakala cadangan penambahbaikan turut dimajukan (**Lampiran 5.4.2.3**). Penilaian serta pemantauan berkala terhadap impak keparahan risiko dilakukan bagi menentukan tindakan mitigasi risiko, melalui mesyuarat, perbincangan, latihan, perubahan proses, audit, 'post-mortem', dan pembaikan berterusan. Dalam pengendalian projek SDG di Desa E-Kasih, risiko dikenalpasti kerana ketiadaan peralatan dan mesin bersesuaian. Ianya dapat di atasi dengan pinjaman peralatan dari UiTMCJ seperti LCD projektor, manakala mesin pula perlu dibeli melalui bajet disediakan (**Lampiran 5.4.2.4**).

**Pemantauan** turut dilakukan oleh pasukan **Audit Dalam UiTMCJ untuk menilai keberkesanan langkah kawalan risiko**. Pengumpulan maklumat digunakan oleh juruaudit untuk mengenalpasti, seterusnya mengurus strategi dan operasi dengan lebih berkesan. Pemantauan berkala memastikan risiko telah dikurangkan sesuai dengan perancangan dan membuahkan hasil yang diharapkan. Penemuan hasil audit serta keberkesanan tindakan dari rekomendasi audit sebelumnya dilaporkan dalam mesyuarat MKSP serta mesyuarat-mesyuarat berkaitan (**Lampiran 5.4.2.5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 5.4.2.1\\_Definisi\\_Klasifikasi Risiko UiTM.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 5.4.2.2\\_Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 5.4.2.3\\_Pengoperasian Sistem Aduan\\_Maklumbalas di UiTMCJ - Minit MKSP Bil 29 2022.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 5.4.2.4\\_Pemantauan Laporan Kemajuan Projek Perundingan SIGSDG UiTMCJ di Desa E-Kasih Daerah Tampin.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 5.4.2.5\\_Analisa\\_Pemantauan Risiko UiTMCJ melalui Pelaporan Audit Dalam.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif, langkah-langkah berikut ditekankan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ:

Pengendalian projek-projek bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan memerlukan **tata cara berprosedur mengikut garis panduan dan kelulusan Pengurusan Kanan UiTMCJ**. Untuk itu, maklumat yang jelas perlu difahami serta dipatuhi di dalam memastikan keberhasilan matlamat projek. Pekeliling, Amanat, Dasar, Panduan, Prosedur Operasi Seragam ('Standard Operating Procedure' / SOP), Manual dan Senarai Semak yang jelas menjadi rujukan dalam mengatur tata cara kerja, kedisiplinan, keselamatan, keamanan dan etika kerja. Maklumat ini mendorong tingkah laku dalam mengendalikan projek serta memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif. Maklumat perlu mudah diakses dan disampaikan dengan jelas kepada semua staf untuk rujukan dan kefahaman (**Lampiran 5.4.3.1**).

Di samping **kemudahan fizikal** seperti dalam **Lampiran 5.4.1.4**, pendekatan 'soft touch' juga amat penting dalam mewujudkan kemesraan dan persekitaran kerja yang harmoni. Staf akan merasa gembira mendapat sokongan emosi dan tunjuk ajar dari pihak pengurusan, rakan sekerja serta persekitaran yang selesa dan berkualiti. Ini meningkatkan tahap kepuasan hati staf untuk menyempurnakan tugas. Hubungan mesra yang terjalin dari program-program alumni, komuniti dan kesukarelawanan berjaya menyemarakkan hubungan sesama warga kampus. Ini termasuk program majlis korban Aidil Adha, Infaq Ramadan derma bubur lambuk, program sukan, program keagamaan, program anak angkat, serta misi bantuan banji (**Lampiran 5.4.3.2**).

Pencapaian PI menjadi pengakuan kecemerlangan, kerja keras, prestasi, dan sumbangan staf. Dalam mencapai sasaran objektif, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan risiko yang telah dikenal pasti dapat dikawal dengan berkesan, melalui pemantauan dan penilaian berterusan. **Pencapaian petunjuk prestasi diukur dan dibentangkan dalam mesyuarat JKEN, MKSB dan mesyuarat-mesyuarat lain (Lampiran 5.4.3.3)**. Di samping itu juga, semua program dan pencapaian ini turut **dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui hebahan lisan, media elektronik serta majalah dalaman UiTMCJ**.

UiTMCJ turut mendorong **komunikasi terbuka** di mana staf berasa selesa untuk menyampaikan pendapat, saranan atau masalah yang mereka hadapi. Medium mesyuarat menjadi platform untuk menambah baik dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam melaksanakan projek-projek terlibat (**Lampiran 5.4.3.4**). UiTMCJ turut menyediakan platform aduan staf melalui beberapa kaedah lain melalui borang aduan dan maklumbalas pelanggan secara bercetak dan elektronik. Aduan direkodkan dan siasatan serta tindakan dengan kadar segera diambil (**Lampiran 5.4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 5.4.3.1\\_Garis Panduan dan Dasar Projek Komuniti\\_Alumni.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 5.4.3.2\\_Program Kemasyarakatan UiTMCJ.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 5.4.3.3\\_Pembentangan Pencapaian PI - MKB Nov 2022.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 5.4.3.4\\_Minit Mesyuarat SIGSDG October 2022.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 5.4.3.5\\_Sistem E-Aduan UiTM.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan sesebuah organisasi dibentuk oleh pihak atasan, terhasil dari visi dan misi yang jelas. UiTMCJ berjaya mencapai sasaran 84.84% PI yang ditetapkan. 56 PI berjaya mencapai 100% dari 66 sasaran PI. Bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, **kesemua 12 PI telah mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan.**

Antara program bidang tumpuan ialah **jalanan 'networking'** bersama alumni UiTMCJ juga menjadi agenda pembudayaan kerja. Kerjasama antara UiTMCJ dan Datuk Mohd Asri Ahmad menerusi Asri Ahmad Academy (AAA) memberi impak yang sangat signifikan, sehingga tertubuhnya Pusat Simulasi Saham UiTMCJ. Selain itu, Datuk Asri, yang merupakan pemain industri tersohor, sentiasa berkongsi ilmu dan kepakarannya dalam bidang saham kepada warga UiTMCJ secara percuma, di samping pemberian zakat, pembiayaan pengajian dan sumbangan sara hidup kepada asnaf UiTMCJ (**Lampiran 5.5.1**).

Terkenal dengan 'tagline' kampus Simfoni Alam, UiTMCJ turut **membudayakan amalan hijau**, merangkumi inovasi, projek SDG dan program-program kolaborasi bersama industri pertanian. Projek Greenation@UiTM merupakan inisiatif UiTMCJ dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dengan projek tanaman cili fertigasi, nenas MD2 dan lebah kelulut. Sebanyak 176 kilogram cili telah ditanam dengan jumlah jualan sebanyak RM1,868. Nenas sebanyak 2127 pula dihasilkan dengan jualan sebanyak RM2,321. Penjualan madu sebanyak 144 botol menghasilkan jualan sebanyak RM2,881 (Lampiran 5.5.2). Di peringkat antarabangsa, UiTMCJ telah berkolaborasi bersama Hayrat Foundation, Turkiye bagi program Mahasiswa Berbudi, Komuniti Sejahtera dan telah memberi manfaat kepada 10 keluarga asnaf.

Hasil daripada pelaksanaan program-program di bawah bidang tumpuan ini, Rektor, selaku pengemudi UiTMCJ, **mewujudkan integrasi dengan mencetus pembudayaan dan inovasi gerak kerja melalui 'Rector's Special Project' (RSP)** yang dikongsi kepada seluruh warga di dalam Mesyuarat Akademik UiTMCJ (**Lampiran 5.5.3**). RSP menjadi pemandu dalam membentuk tindakan serta membudayakan gerak kerja berimpak dan berinovasi dalam bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

UiTMCJ turut **membudayakan amalan pelaporan**, transparensi dan integriti dalam menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, **melalui majalah UiTMCJ**, dengan mengupas perancangan dan pencapaian di dalam menganjurkan program bidang tumpuan. Platform elektronik ini menjadi rujukan berpusat untuk pelaporan dan menambah baik sistem pembangunan pangkalan data. Pihak luar UiTMCJ juga menggunakannya untuk mengakses kepakaran staf yang ada di UiTMCJ (**Lampiran 5.5.4**).

Persekitaran kerja yang harmoni mewujudkan kemesraan dan meningkatkan kepuasan hati staf untuk menyempurnakan tugas. Hubungan mesra yang terjalin turut disemarakkan lagi oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dengan **pembudayaan tahniah dan penghargaan** ke atas pencapaian staf, melalui ucapan dalam mesyuarat, media cetak, serta media elektronik UiTMCJ. Antara penghargaan yang diberikan termasuk ucapan tahniah atas pelantikan jawatan, kenaikan pangkat, dan penghargaan sempena persaraan (**Lampiran 5.5.5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L\\_5.5.1\\_Jaringan Alumni UiTMCJ Dengan Datuk Haji Mohd. Asri bin Ahmad \(Asri Ahmad Academy\).pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L\\_5.5.2\\_Amalan Hijau UiTMCJ Kampus Simfoni Alam.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L\\_5.5.3\\_Rector's Special Project \(RSP\) - Mesyuarat Akademik UiTMCJ xxx.pdf](#)

4. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20235\\_UiTMCI\\_L.5.5.4\\_Pengambilan majalah & Laporan Daripada UiTMCI.pdf](#)

5. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20235\\_UiTMCI\\_L.5.5.5\\_Ucapan Tahniah dan Penghargaan Kepada Staf.pdf](#)



## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Model IAOOI** yang diaplikasi oleh UiTMCJ melibatkan dua peringkat utama iaitu Proses yang Dirancang (**merangkumi Inputs dan Activities**) dan Hasil yang Disasarkan (**merangkumi Outputs, Outcomes dan Impact**). UiTMCJ sentiasa memastikan sesuatu projek yang dijalankan menepati model proses ini bermula dengan **Inputs** iaitu mengenal pasti objektif projek dan sumber-sumber yang ada bagi menjayakan projek. Sumber-sumber ini termasuklah kewangan, peluang pengaplikasian dan tenaga kerja. Setelah itu, **Activities** dilaksanakan di mana penggunaan sumber dirancang bagi mencapai misi dan objektif projek. Hasilnya, **Outputs** atau perolehan ini dapat dilihat termasuklah penjana pendapatan, perolehan geran atau tajaan, pembukaan tapak projek dan sebagainya. Daripada Outputs, akan terhasil **Outcomes** iaitu manfaat yang diperolehi oleh pihak-pihak terlibat dan kumpulan sasaran. UiTMCJ sentiasa memastikan projek yang dilakukan tidak hanya bermanfaat kepada penganjur tetapi juga memberi kesan positif seperti peningkatan kemahiran kumpulan sasaran, penjimatan bajet oleh kumpulan pengurusan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat. Akhirnya, Outcomes ini membawa kepada **Impact** iaitu kesan-kesan positif projek yang dijalankan dalam jangka masa panjang. Ini termasuklah kemampuan kemahiran atau impak kewangan yang terhasil serta jaringan industri yang terbina.

**Model PDCA** pula melibatkan empat peringkat iaitu **Plan, Do, Check dan Act**. Pada peringkat **Plan**, UiTMCJ sentiasa memastikan objektif projek ditetapkan dan permasalahan yang membawa kepada penganjuran projek dikenalpasti. Pada peringkat ini juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan permasalahan projek dirancang. Kemudian, proses ini diteruskan dengan **Do** di mana unit-unit yang terlibat melaksanakan projek untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pada peringkat **Check** pula, keberkesanan projek diukur dan hasil projek dibandingkan untuk mengetahui sejauh mana objektif dicapai melalui perbincangan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat. Selain itu, proses seperti ujilari juga dijalankan dan dapataannya dianalisa sekali lagi. Check berlaku setelah pelaksanaan projek berakhir dan semasa pelaksanaan sedang berlangsung. Akhirnya, pada peringkat **Act**, penambahbaikan dilakukan berdasarkan pengukuran keberkesanan dan analisa yang telah dibuat. Jika projek masih berjalan, Act akan meningkatkan keberkesanan projek. Jika pelaksanaan projek telah selesai, penambahbaikan diambil maklum untuk meningkatkan keberkesanan projek susulan. Kitaran ini akan berterusan di mana berdasarkan pemerhatian pada peringkat Check permasalahan baru akan ditemui dan penambahbaikan pada peringkat Act pula akan memberi input kepada penghasilan projek baru. Projek baru ini akan memulakan kitaran PDCA yang baru. Secara keseluruhan, operasi bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ini dirancang, dilaksana, dipantau dan ditambah baik di bawah seliaan BPJIA dan USTU UiTMCJ.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses pelaksanaan sesuatu projek digambarkan dalam **Lampiran 6.2.1**. Bermula dengan penemuan masalah atau sesuatu tajuk, kertas kerja dibuat dengan perancangan dan pendekatan yang sistematik. Setiap kertas kerja mengandungi pengenalan projek, objektif, cadangan aktiviti dan anggaran kewangan (**Lampiran 6.2.2**). Seterusnya, tinjauan bersasar dan lawatan industri akan dijalankan untuk mengenalpasti isu sebenar. Jaringan industri atau jalinan dua hala dilakukan untuk memastikan hasil yang akan diperolehi dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak (**Lampiran 6.2.3**). Dalam masa yang sama, pemantauan akan dilakukan. Hasil pemantauan tersebut kemudiannya akan digunakan untuk semakan pengurusan dalam penghasilan inovasi seterusnya yang secara tidak langsung akan menambahbaik prestasi. Setelah mengenalpasti risiko, tindakan pencegahan akan dilaksanakan. Sebarang bentuk penambahbaikan prestasi dilaksanakan mengikut keperluan dan diakhiri dengan penghasilan inovasi. Jika permasalahan baru dikenalpasti melalui penulisan laporan akhir, proses kerja untuk projek baru akan dimulakan.

Disamping itu juga, UiTMCJ menggunakan **garis panduan jaringan komuniti** bagi pelaksanaan dan kaedah pengurusan bagi program dan aktiviti di bawah jaringan komuniti (**Lampiran 6.2.4**). Di peringkat perancangan, UiTMCJ mengambil inisiatif menubuhkan beberapa kumpulan SIG-SDG Community Practice bagi memfokuskan pembangunan ekonomi masyarakat. Kumpulan ini bertanggungjawab dalam mengenalpasti maklumat berkenaan komuniti yang berkeperluan dan berhubung dengan agensi yang terlibat bagi perincian perancangan. Kumpulan SID-SDG telah menghadiri sesi lawatan dialog ALL-Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) bagi mendapatkan perincian tentang permasalahan komuniti sasaran dan maklumbalas dari wakil rakyat di kawasan yang terlibat. Seterusnya, kertas kerja dirangka bagi mengenalpasti objektif, kumpulan sasar dan perincian kos-kos yang terlibat. Semakan kertas kerja dibuat di peringkat APPGM-SDG dan juga UiTMCJ bagi memastikan objektif projek dapat dicapai. Setelah kertas kerja diluluskan, ketua projek bertanggungjawab menggerakkan ahli-ahli yang terlibat dalam menjayakan projek yang dirancang. Bagi proses pemantauan, kumpulan SID-SDG ini telah membentangkan status pelaksanaan projek di peringkat BPJIA dan juga APPGM-SDG. Setiap permasalahan dibincangkan dan solusi dibuat dengan mengambil kira kekangan yang dikenalpasti.

**Perkongsian pengetahuan** dari proses-proses utama dalam bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan ini **dikongsi kepada warga melalui Mesyuarat Ketua Bahagian, Amanat Bulanan Rektor dan juga melalui Sesi Libat Urus Timbalan Rektor BPJIA**. Di samping itu juga, **pemakluman berkenaan proses ini juga dimaklumkan melalui emel** daripada koordinator ICAN UiTMCJ dan Timbalan Rektor BPJIA kepada seluruh warga kampus (**Lampiran 6.2.5**). Hasilnya, aktiviti seperti, program jalinan 'networking' bersama alumni UiTMCJ telah menjadi salah satu agenda pembudayaan kerja melalui kerjasama antara UiTMCJ dan Asri Ahmad Academy (AAA) yang menghasilkan Pusat Simulasi Saham UiTMCJ, bantuan kewangan dan perkongsian kepakaran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.2.1 Proses Pelaksanaan Projek.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.2.2 Contoh Kertas Kerja.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.2.3 Perbincangan Bersama Industri.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 6.2.4 Garis Panduan Projek Komuniti.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 6.2.5 Perkongsian Informasi Proses Kepada Warga UiTMCJ.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara umumnya, gerak kerja bagi jaringan alumni dan komuniti dapat dijelaskan mengikut model **The Logic Model Approach (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI) (Jaringan Alumni dan Komuniti)** manakala projek-projek di bawah **jaringan kesukarelawanan pula berpandukan model Plan-Do-Check-Action (PDCA)**. Projek-projek UiTMCJ ini dijalankan pelaksanaannya bukan hanya di peringkat dalaman UiTMCJ, tetapi dilaksanakan sehingga peringkat antarabangsa dan juga bersama industri.

Untuk **jaringan alumni**, UiTMCJ telah berkolaborasi bersama AAA yang diterajui oleh alumni UiTMCJ iaitu Datuk Haji Mohd Asri Ahmad dengan mengambil manfaat dari kandungan MoA antara AAA dan UiTMCJ untuk merangka program (**Input**). Pada peringkat **activities**, UiTMCJ mengenalpasti keperluan untuk pelajar mendalami bidang pelaburan serta mempelajari teknik-teknik dari sumber yang diiktiraf dengan merangka kertas kerja. Pada peringkat **Output** pula, UiTMCJ telah berjaya menganjurkan Seminar Labur Saham 2022 pada 8 Disember 2022. Selain itu juga, penajaan yuran pengajian melalui bayaran zakat berjumlah RM13,644 dan kos sara hidup sebanyak RM500 telah diberikan kepada setiap pelajar yang terpilih bagi semester Oktober 2022. Pada peringkat **Outcome** pula, seramai 200 orang pelajar UiTMCJ telah menerima ilmu berkenaan teknik-teknik pelaburan dari AAA. **Impact** yang diperolehi daripada kerjasama ini telah menghasilkan sinergi antara UiTMCJ sebagai *knowledge provider* dan AAA yang merupakan pakar dari industri serta pengurangan kebergantungan kepada tabung UiTMCJ untuk menangani isu-isu yang dialami pelajar asnaf.

Di bawah **jaringan komuniti** pula, UiTMCJ telah menubuhkan kumpulan SIG-SDG Community in Practice yang memfokuskan pembangunan ekonomi masyarakat (**Input**). Dari segi **Activities**, Projek-projek dikenalpasti melibatkan seramai 20 peserta orang asli dari Kampung Sungai Lerek, 20 peserta Wanita dari Kampung Bangkahulu dan 20 peserta miskin tegar dari Desa E-Kasih Londah. Module ACE 2021 yang dibangunkan oleh UiTMCJ telah dijadikan sebagai modul utama latihan. **Outputs** penganjuran program ini melibatkan sesi latihan dan bimbingan merangkumi penternakan kelulut, pengurusan makanan, kebersihan dan keselamatan, kemahiran fotografi dan pemasaran digital. **Outcome** daripada program ini adalah pembinaan bengkel pembuatan makanan sebagai tapak mini hub keusahawanan desa. **Impact** yang diperolehi adalah tertubuhnya persatuan dan koperasi dalam komuniti yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengurus mesin serta hub keusahawanan di samping Kelestarian sumber pendapatan kumpulan sasaran dalam kalangan komuniti.

Di bawah **jaringan kesukarelawanan** pula, UiTMCJ telah melibatkan diri dalam penganjuran Sukarelawan Standard Chartered Singapore Marathon (SCSM) 2022 anjuran IRONMAN Asia dengan sokongan kerajaan Singapura. Pada peringkat **Plan**, UiTMCJ mengenalpasti peluang untuk penglibatan pelajar sebagai sukarelawan di peringkat antarabangsa dikenalpasti melalui surat jemputan bertarikh 2 September 2022. Di peringkat **Do**, seramai 160 pelajar yang terdiri daripada 80 pelajar Kampus Segamat dan 80 pelajar Kampus Pasir Gudang terlibat sebagai sukarelawan dan menjalankan tugas seperti yang dikehendaki. Di peringkat **Check** pula, prestasi dan keselamatan pelajar sebagai peserta dipantau oleh pegawai pengiring. Di peringkat **ACT**, prestasi pelajar yang kurang proaktif diberi teguran dan dorongan. Isu-isu seperti kepatuhan kepada prosedur membawa pelajar ke luar negara dan keselamatan pelajar dijadikan panduan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan di peringkat antarabangsa dilihat membantu kecemerlangan university dan mencapai KPI.

**Lampiran 6.3.1** dan **Lampiran 6.3.2** menerangkan secara jelas projek Alumni dan Komuniti yang dijalankan berdasarkan model *IAOOI* manakala **Lampiran 6.3.3** pula menerangkan projek Kesukarelawanan berdasarkan model *PDCA*.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.3.1 Model IA00I - Alumni.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.3.2 Model IA00I - Komuniti.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.3.3 Model PDCA - Kesukarelawananan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawan dijalankan secara **penghantaran laporan** kepada bagi tujuan penyimpanan dan juga penambahbaikan. Secara ringkas, laporan yang dihantar kepada UiTMCJ mengandungi kertas kerja bagi setiap aktiviti yang telah disemak dan dipantau koordinator ICAN UiTMCJ dan Penyelaras USTU UiTMCJ dalam memastikan segala butiran dalam permohonan penganjuran projek dan program adalah lengkap (**Lampiran 6.4.1.1**).

**Hasil terhadap pelaksanaan** objektif strategik dan inisiatif utama bagi setiap projek diterangkan mengikut tema contohnya yang pertama **kesukarelawan (Lampiran 6.4.1.2)** telah dikategorikan dalam jadual yang dilampirkan secara terperinci. Program **antarabangsa** yang dijalankan adalah seperti program “Standard Chartered Singapore Marathon 2022” bagi **membentuk mahasiswa yang saling membantu** walaupun terhadap negara jiran iaitu Singapura. Bagi komuniti, program yang dijalankan adalah seperti “Seikhlas Kasih Ramadan (Iftar bersama pelajar asnaf dan warga emas)” mempunyai objektif program adalah menghidupkan Ramadhan dengan sunnah Rasulullah. Perincian objektif lain, keberkesanan program dan amalan penambahbaikan boleh dirujuk dalam **Lampiran 6.4.1.3 bagi program komuniti**. Bagi **alumni pula, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti Lampiran 6.4.1.4**. Sebagai contoh program yang telah berlangsung adalah LIVE@PTDI SIRI I yang kemudiannya diadakan siri dua kerana sambutan yang menggalakkan dengan jumlah tontonan sebanyak 885 melalui platform YouTube.

Selain itu juga, Mesyuarat Ketua Bahagian **membincangkan dan menyelia proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (Lampiran 6.4.1.5)**. Proses kenalpasti risiko melibatkan analisis data melalui soal selidik, pengamatan sekitar, temuramah bersama masyarakat serta semakan dokumen. Platform aduan secara lisan, borang aduan dan maklumbalas secara bercetak dan elektronik turut digunakan. Maklumbalas dikenalpasti serta dianalisa, manakala cadangan penambahbaikan turut dimajukan. Penilaian serta pemantauan berkala terhadap impak keparahan risiko dilakukan bagi menentukan tindakan mitigasi risiko, melalui mesyuarat, perbincangan, latihan, perubahan proses, audit, ‘post-mortem’, dan pembaikan berterusan. Segala pelaporan program yang merangkumi objektif, keberkesanan (analisa) dan penambahbaikan telah dikongsikan kepada semua warga UiTMCJ di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan bersama pihak pengurusan kanan bagi menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik program seumpama yang akan dijalankan pada masa akan datang

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.4.1.1\\_Pemantauan Berkala oleh PSTU dan Koordinator ICAN UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.4.1.2 AKTIVITI BERTERASKAN KESUKARELAWANAN.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.4.1.3 AKTIVITI BERTERASKAN KOMUNITI.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 6.4.1.4 AKTIVITI BERTERASKAN ALUMNI.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 6.4.1.5 Minit Mesyuarat MKB bagi Kaji Semula Pengurusan Pencapaian Petunjuk Prestasi 2022.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif organisasi telah menjadi isu utama yang diberi penekanan oleh UiTMCJ. Oleh itu Jawatankuasa khas bagi pengurusan risiko diwujudkan seiring dengan percambahan projek di UiTMCJ (**Lampiran 6.4.2.1**). Pengurusan risiko tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi UiTMCJ termasuk aktiviti pembangunan kapasiti untuk meningkatkan profesional warga UiTMCJ khususnya.

Dalam konteks UiTMCJ, risiko ialah kesan ketidaktentuan kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik UiTM, kesan kepada kewangan, kesan terhadap operasi dan kesan kepada pentadbiran universiti. Kemahiran menguruskan risiko ini akan dapat menyelaraskan pelan tindakan sebagai satu kawalan dalaman melalui tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi bagi tiga projek inisiatif utama iaitu Alumni, Kesukarelawanan dan Komuniti (**Lampiran 6.4.2.2**). Selain itu, UiTMCJ juga meneliti **SWOT analisis** bagi tiga bidang tumpuan utama dalam memastikan risiko dapat diurus dengan baik (**Lampiran 6.4.2.3**).

Disamping itu juga, **Jawatankuasa Jaringan Negeri** ditubuhkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi mengenalpasti risiko dan mencadangkan penambahbaikan dalam bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan (**Lampiran 6.4.2.4**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.4.2.1 LAMPIRAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PTJ.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.4.2.2 Risiko dan Pelan Tindakan UiTMCJ.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.4.2.3 LAMPIRAN ANALISA SWOT.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 6.4.2.4 Penubuhan Jawatankuasa Jaringan Negeri.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula ke atas hasil proses merupakan kunci utama dalam menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik dan bersesuaian. **Merujuk kepada model PDCA**, masalah-masalah yang menjejaskan keberkesanan projek dikenalpasti di peringkat Check. Penambahbaikan di peringkat Act pula dijalankan serta-merta bagi masalah yang kurang kritikal. Bagi masalah yang lebih kritikal pula, memerlukan penglibatan pengurusan tertinggi. Proses ini melibatkan analisa penilaian program yang melibatkan maklumbalas dari peserta program dalam pelbagai aspek dan ianya menjadi antara rujukan utama bagi proses penambahbaikan. Di samping itu, mesyuarat post-mortem juga dijalankan bagi mengenalpasti amalan terbaik untuk panduan dan rujukan projek-projek lain. Selain itu, mesyuarat post-mortem juga bertujuan mengenalpasti punca masalah yang timbul dalam penganjuran sesuatu program supaya masalah ini dapat dielakkan, diselesaikan ataupun diminimakan untuk projek susulan pada masa akan datang (**Lampiran 6.4.3.1**). Kemahiran menguruskan risiko ini akan dapat menyelaraskan pelan tindakan sebagai satu kawalan dalaman melalui tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi bagi tiga projek inisiatif utama iaitu Alumni, Kesukarelawanan dan Komuniti (**Lampiran 6.4.3.2, Lampiran 6.4.3.3 dan Lampiran 6.4.3.4**). Seterusnya, pencapaian projek ini beserta dengan permasalahan yang timbul dan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dibincangkan di dalam mesyuarat berkaitan sebagai persediaan perkongsian dengan warga UiTMCJ. Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan. Di samping itu juga, **semua program dan pencapaian ini turut dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui hebahan lisan, media elektronik serta majalah dalaman UiTMCJ (Lampiran 6.4.3.5).**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.4.3.1 Carta Alir Proses Penambahbaikan Program.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.4.3.2 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Alumni.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.4.3.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Komuniti.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 6.4.3.4 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Kesukarelawanan.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 6.4.3.5 Penerbitan Majalah Pelaporan Dalaman UiTMCJ.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan sesuatu projek tidak hanya diukur dengan hasil akhir bersifat one-off sahaja memandangkan kebanyakan projek berpotensi menyumbangkan faedah secara berterusan. Oleh yang demikian, penambahbaikan berterusan haruslah diambil kira. Kebiasaannya, penambahbaikan berterusan lebih mudah diaplikasikan melalui projek bersiri yang mempunyai sela masa tidak terlalu singkat dan tidak terlalu lama. Sebagai contoh, **penerbitan Buletin Paradigma Johor yang telah mencapai siri ke-8 memuatkan laporan bergambar yang dapat memberikan rujukan dan panduan** kepada pembaca dari dalam dan luar UiTM bagi menambahbaik proses-proses pelaksanaan projek-projek, selain menyuntik idea dalam penghasilan inovasi baharu. Hal ini bermaksud, tidak hanya penerbitan Buletin Paradigma Johor yang ditambah baik dari satu siri ke siri berikutnya, ia juga memberi inspirasi kepada projek-projek lain untuk melalui proses penambahbaikan dan inovasi seumpamanya. Di samping itu, **penerbitan majalah i-PRESTIGE** yang telah menemui pembaca menjangkau siri ke-5 pada tahun 2022 juga boleh dikategorikan sebagai inovasi terbaik dalam menyampaikan butiran program-program yang telah dijalankan. Penyampaian maklumat ini tidak hanya tertakluk kepada warga UiTM memandangkan kedua-dua **bahan bacaan ini juga boleh diakses secara meluas contohnya agensi luar dan orang awam dalam dan luar negara** melalui laman sesawang UiTMCJ. Berdasarkan perkongsian secara meluas bermodalkan dua bahan bacaan yang disenaraikan ini, jelas dapat dilihat potensi untuk penambahbaikan proses dan pembudayaan amalan bagi program-program di bawah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan yang mampu menjanjikan jangkauan yang meluas seiring penyebaran maklumatnya (**Lampiran 6.5.1**).

Di samping itu juga, **melalui pembudayaan penambahbaikan proses, pelbagai inovasi telah terhasil dan telah membantu pelbagai lapisan masyarakat di peringkat antarabangsa**. Antaranya, program komuniti antarabangsa berkaitan Lawatan deligasi UiTM ke Hayrat Foundation di Turkiye, di mana beberapa inovasi berkaitan aplikasi telah diperkenalkan seperti yang ditunjukkan di Rajah Sinergi bersama Hayrat Foundation telah berjaya membangunkan aplikasi Quran Tawafuq, Aplikasi Awrad Nuriaah/ Zikir selepas solat, Aplikasi Zikir Jawshan Kabir dan Risalah Annur yang telah diterjemahkan dalam 17 bahasa yang mana ianya memperkukuhkan rangkaian 4G bagi memperluaskan capaian aktiviti kepada masyarakat (**Lampiran 6.5.2**).

Melalui integrasi pembudayaan yang holistik, pelbagai strategi penambahbaikan bagi bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan telah dihasilkan dan dijelaskan melalui tindakan-tindakan yang menzahirkan keberkesanan dan kecekapan UiTMCJ (**Lampiran 6.5.3, Lampiran 6.5.4 dan Lampiran 6.5.5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20231\\_UiTMCJ\\_L 6.5.1\\_Penerbitan Majalah Pelaporan UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20232\\_UiTMCJ\\_L 6.5.2 Inovasi Aplikasi daripada Kerjasama Strategik Peringkat Antarabangsa.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20233\\_UiTMCJ\\_L 6.5.3 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Alumni.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_L 6.5.4 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Komuniti.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20235\\_UiTMCJ\\_L 6.5.5 Inovasi Pelaksanaan Penambahbaikan Program Kesukarelawanan.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **HASIL SUMBER MANUSIA**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan merupakan satu bidang yang memberi fokus untuk melahirkan staf yang mempunyai nilai-nilai ketrampilan yang tinggi dan meningkatkan kualiti sukarelawan yang sedia ada dengan melengkapkan diri melalui ilmu pengetahuan. Kesukarelawanan membantu dalam membangun hubungan sosial yang kuat dan memperluas jaringan, baik dengan sukarelawan lain mahupun dengan penerima manfaat. Bidang ini juga bertujuan untuk menanam semangat berdikari serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai peluang berbakti dan memberi pengetahuan asas pengurusan sukarelawan kepada staf UiTMCJ. Sehubungan itu, atas usaha dan komitmen yang jitu daripada tenaga kerja sumber manusia di semua peringkat, UiTMCJ telah berjaya merancang dan melaksanakan beberapa program berkaitan alumni, komuniti dan sukarelawan yang melibatkan program dalaman dan luaran. Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama Ketua Bahagian, Ketua Unit dan Ketua Pusat Pengajian berganding bahu membuat perancangan (**Plan**), dalam mengenalpasti 66 petunjuk prestasi utama (KPI) yang mana 12 KPI adalah bagi bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

UiTMCJ sentiasa komited dalam memastikan segala perjalanan projek yang dirancang berjalan dengan lancar melalui komitmen yang tinggi daripada warga kampus. Pada peringkat Pelaksanaan (**Do**), Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJIA), disokong oleh semua bahagian dalam UiTMCJ, menggerakkan aktiviti **alumni, komuniti dan kesukarelawanan**. Staf-staf berkecuali pula dilantik sebagai penasihat, ketua projek, penceramah dan perunding. Sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ telah banyak membantu staf-staf yang terlibat dalam menjayakan tiga tema utama bidang iaitu Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Program alumni, komuniti, dan kesukarelawanan memiliki banyak kebaikan dan manfaat yang dapat dirasakan oleh berbagai pihak.

Penyelidikan merupakan elemen penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk menjadikannya sentiasa relevan dengan perkembangan arus semasa. UiTMCJ tidak terkecuali dalam memastikan penyelidikan yang dihasilkan memberi impak kepada masyarakat menerusi kerjasama dengan organisasi dan industri sama ada setempat ataupun antarabangsa. Peruntukan geran dalaman (Geran Bestari) dan *Special Interest Group (SIG)* menjadi pemangkin supaya penyelidikan bersama industri dapat dijalankan dengan berkesan. Disamping itu, aktiviti perundingan dirancakkan supaya perkongsian ilmu dan kepakaran dengan masyarakat tidak diketepikan.

Dalam mencapai sasaran objektif, pengurusan risiko yang efektif diselia oleh Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTMCJ, meliputi proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (**Check**). Mesyuarat, perbincangan, latihan, platform aduan dan maklumbalas, audit, *'post-mortem'* dan pembaikan berterusan menjadi medan pengurusan risiko dan pemantauan (**Act**).

UiTMCJ sentiasa komited untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan aktif dalam bidang jaringan industri dalam bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Justeru, adalah penting untuk mengenalpasti keberkesanan penglibatan sumber manusia dalam usaha menjalinkan kerjasama industri dengan badan luar. Indikator utama yang digunakan oleh UiTMCJ adalah berteraskan kepada pencapaian petunjuk prestasi yang dizahirkan melalui komitmen yang tinggi oleh semua staf di semua peringkat.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB02\\_20231\\_UiTMCJ\\_HASIL 1 PELAKSANAAN STRATEGI\\_TAHAP.docx.pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB03\\_20232\\_UiTMCJ\\_HASIL 1 PELAKSANAAN STRATEGI\\_TREN.docx.pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB04\\_20233\\_UiTMCJ\\_HASIL 1 PELAKSANAAN STRATEGI\\_PERBANDINGAN.docx.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_HASIL 1 PELAKSANAAN STRATEGI\\_KEPENTINGAN.docx.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **HASIL PELAKSANAAN STRATEGI**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik merupakan perkara penting dalam sesebuah organisasi. UiTM CJ tidak terkecuali dimana di dalam Pelan Strategik UiTM 2025, pelbagai teras ditekankan. UiTM CJ secara dasarnya memberi penekanan kepada semua teras yang digariskan oleh UiTM termasuklah bidang tumpuan pilihan UiTM CJ iaitu Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti adalah merupakan salah satu elemen penting yang dapat melonjakkan nama UiTM CJ bukan sahaja di persada negara, malah persada antarabangsa.

Bagi menjayakan agenda tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti, UiTM CJ telah menggerakkan pelbagai inisiatif yang merangkumi projek dan kolaborasi bersama alumni, menandatangani MoA/MoU dengan pihak berkaitan serta pelaksanaan pelbagai aktiviti bersama komuniti dan masyarakat. Kerjasama bersama komuniti dan alumni menjadi agenda penting bagi UiTM CJ bagi memastikan UiTM kekal menjadi institusi yang bukan sahaja meneroka ilmu dan bidang baharu secara berterusan, malah menyumbang secara berterusan kepada komuniti melalui kerjasama dengan alumni. .

Pemantauan pelaksanaan projek dibuat secara berkala dengan mengaplikasikan kaedah *IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts)* dan *PDCA (Plan, Do, Check, Action)*. Output dan hasil aktiviti-aktiviti yang lepas dikaji keberkesannya dan dijadikan input bagi merancang strategi akan datang. Strategi yang telah dirancang akan dilaksanakan. Sepanjang pelaksanaan strategi, pemantauan sentiasa dibuat bagi memastikan pelaksanaan strategi memberikan hasil yang positif. Sepanjang pelaksanaan dan pemantauan dibuat, UiTM CJ juga sentiasa memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi memastikan mutu perkhidmatan ataupun produk UiTM CJ sentiasa berkualiti tinggi. Penyebaran maklumat kepada warga UiTM CJ turut dibuat melalui pelbagai platform bagi memastikan warga sentiasa memperolehi maklumat yang tepat, seterusnya membangkitkan semangat berpasukan dan kebersamaan bagi mencapai visi dan misi yang digariskan. Ia juga membangkitkan sinergi positif dalam kalangan warga UiTM CJ yang secara tidak langsung menjadi satu momentum bagi memajukan diri bersama-sama dengan UiTM CJ.

Hasil kerjasama ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada warga universiti dan rakan kerjasama strategik malah turut memberi nilai tambah kepada komuniti dan masyarakat.

##### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB02\\_20231\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 2 PELANGGAN\\_TAHAP.docx.pdf](#)

##### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB03\\_20232\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 2 PELANGGAN\\_TREN.docx.pdf](#)

##### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB04\\_20233\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 2 PELANGGAN\\_PERBANDINGAN.docx.pdf](#)

##### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB05\\_20234\\_UiTMCJ\\_HASIL 2 PELANGGAN KEPENTINGAN.docx.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **HASIL TUMPUAN PELANGGAN**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Keberkesanan sesuatu projek atau aktiviti yang dijalankan dapat dilihat daripada beberapa aspek seperti hasil yang diperolehi pelanggan dan maklumbalas yang diterima. Selain itu, kaedah perbandingan menerusi petunjuk prestasi perlu dilakukan untuk mengukur tahap pencapaian sesuatu projek. Bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, perancangan (**Plan**) telah dirangka mengikut Petunjuk prestasi tahun 2022 yang berpandukan Pelan Strategik UiTM 2025 untuk melihat keseluruhan pencapaian UiTM CJ dalam merealisasikan agenda utama universiti. Pelanggan dalaman adalah warga UiTM CJ iaitu pelajar dan staf manakala pelanggan luar adalah badan kerajaan, badan profesional, badan bukan kerajaan (NGO), pihak industri, komuniti dan masyarakat.

Program bagi bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan telah dilaksanakan (**Do**) oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap program yang akan memberi manfaat kepada pelanggan UiTM CJ. UiTM CJ telah memberi penekanan terhadap **projek jaringan alumni melalui kolaborasi bersama Asri Ahmad Academy (AAA)**. Bagi mengukuhkan kerjasama dengan **komuniti, program SIG-SDG dan program bersama Hayrat Foundation, Turkiye** telah diadakan. Program **kesukarelawanan di bawah HEP dan BPJIA** turut dijalankan seperti program **Sukarelawan Standard Chartered Singapore Marathon** dalam memastikan UiTM CJ terus berada pada landasan yang tepat.

**Projek jaringan alumni** melalui kolaborasi bersama ini telah memberi manfaat kepada UiTM CJ khususnya dan UiTM amnya. Satu memorandum perjanjian (MoA) di antara UiTM CJ dan **Asri Ahmad Academy (AAA)** telah bersetuju dalam kerjasama dua hala bagi meningkatkan pengetahuan mengenai bidang pelaburan saham menerusi latihan berbentuk seminar atau bengkel. Datuk Haji Mohd Asri Ahmad yang juga merupakan Alumni UiTM CJ menerusi syarikatnya telah membantu memberi tajaan seminar kepada pelajar UiTM dan menyumbang zakat kepada asnaf UiTM.

Pekeliling, Dasar, Objektif, Panduan, dan Prosedur Operasi Seragam menjadi rujukan dalam mengatur tatakerja. Bagi mencapai sasaran objektif, pengurusan risiko yang efektif diselia oleh Jawatankuasa Jaringan Negeri UiTM CJ yang dipengerusikan oleh Timbalan Rektor BPJIA, meliputi proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (**Check**). Mesyuarat, perbincangan, latihan, platform aduan dan maklumbalas, audit, *'post-mortem'* dan pembaikan berterusan menjadi medan pengurusan risiko dan pemantauan..

Semua maklumbalas daripada peserta dan pelanggan diberikan kepada pihak penganjur bagi mengetahui tahap kepuasan hati terhadap projek-projek yang dijalankan. Maklumbalas (**Act**) tersebut amat penting kepada UiTM CJ dalam memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan **Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan** berjaya mencapai objektif serta dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada semua pelanggan yang terlibat iaitu pelajar, staf UiTM CJ, masyarakat setempat dan pihak industri di dalam dan luar negara. Penekanan terhadap hasil daripada tumpuan kepada pelanggan turut menyumbang kepada proses penambahbaikan di masa akan datang.

Setiap projek yang dijalankan amat menitikberatkan impak positif yang diterima oleh peserta yang terlibat sama ada dalam kalangan staf dan pelajar UiTM CJ sendiri mahupun masyarakat setempat. Perbincangan terperinci dilakukan bagi kesemua projek dari sudut hasil penglibatan

pekerja dari luar UiTM CJ, hasil penglibatan industri dan badan profesional serta hasil penglibatan komuniti dan masyarakat setempat

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB02\\_20231\\_UiTM CJ\\_HASIL 3 SUMBER MANUSIA TAHAP.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB03\\_20232\\_UiTM CJ\\_HASIL 3 SUMBER MANUSIA TREN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB04\\_20233\\_UiTM CJ\\_HASIL 3 SUMBER MANUSIA PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB05\\_20234\\_UiTM CJ\\_HASIL 3 SUMBER MANUSIA KEPENTINGAN.pdf](#)